**Fakta beli kereta *Mercedes Benz*** MS4



**Kitar semula tambah pendapatan** MS 20



**Peraduan Mewarna** MS 28




PERCUMA

# buletin Mutiara




www.buletinmutiara.com

1 – 15 JANUARI 2014

http:www.facebook.com/buletinmutiara
http:www.facebook.com/cmlimguaneng


***Salam Maulidur Rasul 1435H & Selamat Menyambut Hari Thaipusam.***

# KN tunai manifesto sumbangan pukat nelayan

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI & AHMAD ADIL MUHAMAD**

**BAYAN LEPAS -** Kerajaan Negeri melalui Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin menunaikan salah satu manifesto Pilihanraya Umum Ke-13 lalu melalui sumbangan pukat kepada 2,981 nelayan seluruh negeri ini.

Walaupun berlangsung dalam majlis ringkas, rata-rata nelayan yang hadir menerima sumbangan julung kali berkenaan terasa seronok, terharu dan dihargai.

Malah, riuh rendah kedengaran di sini sana apabila yang majlis dianjurkan seolah menjadi titik pertemuan dan lokasi berkumpul antara mereka (golongan nelayan) yang tidak pernah kenal penat lelah membekalkan sumber protein utama kepada rakyat Pulau Pinang.

Afif berkata, Kerajaan Negeri menjanjikan sumbangan pukat sebanyak dua kali setahun kepada nelayan-nelayan negeri Pulau Pinang.

"Peruntukan berjumlah RM1.4 juta telah disediakan bagi menjayakan usaha tersebut pada tahun 2014.

"Ini adalah sebagai penghargaan kepada jasa 2,981 nelayan seluruh negeri yang 'menaikkan' ikan ke darat bagi memenuhi keperluan rakyat seharian," katanya pada Majlis Penyampaian Sumbangan Pukat Peringkat Daerah Barat Daya di sini baru-baru ini.

Turut hadir, Timbalan Ketua Menteri I, Datuk Mohd. Rashid Hasnon.

Sebagai tindakan lanjut, Afif memberitahu bahawa pihaknya sedang dalam usaha menjayakan Tabung Usahawan Tani bagi membolehkan nelayan dan petani membuat pinjaman tanpa bunga daripada Kerajaan Negeri berjumlah maksimum RM5,000.

"Skim ini akan melibatkan petani dan nelayan berumur 40 tahun dan ke bawah.

"Ia adalah bagi menggalakkan anak-anak muda bergiat dalam sektor ini di samping meningkatkan kadar keluaran makanan negeri," ujar beliau.



**DR. Afif Bahardin (kanan sekali) menyerahkan pukat kepada salah seorang penerima dalam Majlis Penyampaian Sumbangan Pukat di sini baru-baru ini. *(Gambar oleh: Ahmad Adil Muhamad).***

## Reaksi Nelayan:



**ISMAIL Kassim, 71,** nelayan Seri Pantai, Pantai Jerejak.

Beliau amat bersyukur dengan pemberian tersebut kerana ia sedikit sebanyak dapat menjimatkan pendapatannya.

"Pukat ini pun agak mahal dalam lingkungan RM80 hingga RM160, oleh itu (sumbangan) ini dapat juga membantu saya mengurangkan bajet," jelasnya.



**KHOR Kok Siang, 43,** dari Sungai Udang, Seberang Perai Selatan.

"Bantuan dua kali setahun ini membuktikan Kerajaan Negeri mengotakan janjinya.

"Bantuan seperti ini sudah cukup memadai bagi meringankan beban ditanggung nelayan memandangkan pukat yang digunakan cepat rosak dan perlu diganti dengan kerap," ujar Kok Siang.



**MD. Hashim Khamis, 75,** nelayan dari unit Teluk Air Tawar, Seberang Perai Utara.

Beliau amat bersyukur kerana bantuan seumpama itu tidak pernah dirasai golongan nelayan sebelum ini.



**R. Rajan, 63,** penangkap ketam di Persiaran Gurney.

Beliau memuji usaha Kerajaan Negeri dalam menarik generasi muda yang jelas tidak berminat turun ke laut.

"Bantuan seperti pukat dan skim pinjaman yang dinyatakan diharap akan dapat menarik minat anak muda di negeri ini untuk turun ke laut menjana pendapatan," jelas beliau yang menjadi nelayan sejak remaja bersama bapanya.



**KAMARUDDIN Othman, 61,** nelayan dari Tanjung Tokong, Tanjung Bungah.

Beliau melahirkan harapan agar Kerajaan Negeri turut dapat meneliti bantuan pada aspek lain seperti enjin bot bagi menggantikan yang usang.

"Banyak wang yang diperlukan untuk menggantikan enjin bot," katanya.

# Sumbangan ZPP penuhi tuntutan asnaf

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**

**SUNGAI DUA** - Zakat Pulau Pinang (ZPP) menerima zakat korporat daripada syarikat kawalan piawaian Sirim Qas International Sdn. Bhd. (Sirim) berjumlah RM130,648.85 dan Agro Bank sebanyak RM57,950.34.

Yang di-Pertua Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP), Datuk Mohd. Salleh Man berkata, majlis itu diadakan serentak dengan Majlis Penyerahan Wang Zakat Bantuan Permulaan Ke Institusi Pengajian Tinggi (IPT) IPT/ Persekolahan kepada 302 penerima terpilih yang berjumlah RM263,000.

"Setiap tahun, jutaan ringgit wang zakat telah dibelanjakan menerusi sekurang-kurangnya lima asnaf (iaitu) fakir, miskin, muallaf, fisabilillah dan ibnus sabil, untuk maksud pendidikan," ujarnya di Dewan Besar Sungai Dua baru-baru ini.

Sirim diwakili Eksekutif Pelatih, Ahmad Safuan Ujar, manakala, Agro Bank, Pengurus Rantau Pulau Pinang, Kedah dan Perlis, Mardziah Sulaiman.

Hadir sama, Ahli Majlis bagi MAINPP, Fadzil Kimi dan Rosidi Hussain (Pegawai Penerangan Kerajaan Negeri Pulau Pinang merangkap Ahli Majlis bagi MAINPP).



MOHD. Salleh Man (kiri sekali) menyampaikan tangan palsu kepada salah seorang penerima.

Mohd. Salleh berkata, kutipan zakat semasa berjumlah RM62.8 juta walaupun ZPP mensasarkan pungutan sebanyak RM75 juta bagi tahun ini.

Mohd. Salleh yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Permatang Pasir turut menyempurnakan majlis penyerahan saguhati tahunan pengurusan qaryah masjid negeri Pulau Pinang berjumlah RM315,200.

Beliau turut menyampaikan alat bantuan berupa kaki palsu, tangan palsu, alat pendengaran, *Ankle Foot Orthosis, Suction Pump* dan alat penafasan kepada penerima terpilih seperti senarai di bawah:

| Bil. | Nama Pemohon | Nama Pesakit | Jenis Alat | Jumlah |
|---|---|---|---|---|
| 1. | Bakar Hj. Ismail | | Alat Pendengaran | RM1,900 |
| 2. | Badrul Che Yop | Abdul Hafiz Badrul | Alat Pendengaran | RM6,000 |
| 3. | Abu Bakar Ishak | Zaiton Hashim | Alat Pendengaran | RM3,500 |
| 4. | Md. Almubarak Kamaruddin | | Alat Pendengaran | RM3,800 |
| 5. | Noraziah Zakaria | Nursyazliyana Azli | Tangan Palsu | RM6,000 |
| 6. | Muhammad Abdullah | | Kaki Palsu | RM5,500 |
| 7. | Shafian Yusoff | | *Ankle Foot Orthosis* | RM750 |
| 8. | Zainol Abidin Yaakob | | Kaki Palsu | RM3,850 |
| 9. | Abu Bakar Sutan | Rosiah Mat Noor | *Suction Pump* | RM580 |
| 10. | Mat Fuzi Salleh | Hamidah Darus | Alat Pernafasan | RM6,000 |



SEBAHAGIAN penerima sumbangan pada Majlis Serahan Alat Bantuan Bagi Tahun 2013 di sini baru-baru ini.




FAIZA Zulkifli (berbaju kurung merah) memotong kek ketika diraikan Ketua Menteri dan pucuk kepimpinan Kerajaan Negeri pada mesyuarat Exco di sini baru-baru ini.

## Aliza Sulaiman Penasihat Undang-Undang baru negeri

**GEORGE TOWN** – Aliza Sulaiman dilantik sebagai Penasihat Undang-Undang baru bagi Kerajaan Negeri Pulau Pinang ekoran pelantikan Datuk Faiza Zulkifli sebagai Pengerusi Lembaga Penasihat di Jabatan Perdana Menteri baru-baru ini.

"Beliau (Aliza) merupakan Pengarah Lembaga Sijil Amalan Guaman sejak 15 April 2011, sebelum dilantik sebagai Penasihat Undang-undang Negeri Pulau Pinang.

"Tentunya saya berharap beliau akan menjalankan tugas dengan penuh bertanggungjawab dan dedikasi," ujarnya di sini baru-baru ini.



KETUA Menteri menyerahkan watikah pelantikan Penasihat Undang-Undang Negeri Pulau Pinang kepada Aliza Sulaiman sejurus selepas pengumumannya di sini baru-baru ini.

# Sambutan Tahun Baru meriah penuh bermakna

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI & AHMAD ADIL MUHAMAD**




KETUA Menteri dan ADUN Sungai Pinang, Lim Siew Khim (berdiri, lima dari kiri) bersama kumpulan seni mempertahankan diri yang membuat persembahan di Persiaran IJM.




ORANG ramai memegang risalah dan sepanduk menyambut ketibaan Tahun Baru 2014.



ANTARA golongan muda yang hadir di Padang MPSP.



USTAZ Azhar Idrus di program Sembang Ambang 2014.

**Padang Kota -** Kira-kira 100,000 ribu pengunjung hadir memenuhi Padang Esplanade di sini bagi meraikan ambang tahun baru 2014 bersama barisan kepimpinan Kerajaan Negeri baru-baru ini.

Acara khas dianjurkan Kerajaan Negeri tersebut dihangatkan dengan kehadiran pemuzik dan artis tanah air seperti *Bunkface, The Villianz*, Pink Tan, Menifesto dan lain-lain.

Selain di Padang Kota Lama, turut berlangsung adalah di Padang Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), Persiaran IJM, *Gurney Paragon, Times Square, Queensbay Mall* dan Juru *Autocity*.

Tepat detik 12 tengah malam, puluhan das tembakan bunga api memeriahkan sambutan di seluruh negeri sambil disusuli dengan sorakan gemuruh para hadirin.

Hadir di Padang Esplanade adalah Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng, Timbalan Ketua Menteri I, Datuk Mohd. Rashid Hasnon dan Exco Kerja Raya, Utiliti dan Pengangkutan, Lim Hock Seng.

Guan Eng ketika berucap menyeru rakyat supaya terus menaikkan potensi negeri Pulau Pinang untuk menjadi maju.

Malah, beliau turut menyatakan rasa kesal ekoran Kerajaan Pusat yang gagal mengawal kenaikan harga barang pada tahun ini.

Di Padang MPSP, kehadiran pendakwah bebas, Ustaz Azhar Idrus ditemani Pengarah K.L Gangster iaitu filem yang berjaya memperoleh kutipan RM12 juta, Syamsul Yusof, pelakon Pierre Andre, Kumpulan Nasyid Saujana dan pelumba kategori Moto2 negara, Mohd. Hafiz Syahrin jelas menjadi tarikan utama generasi muda untuk berkumpul dan berhibur.

Antara topik menarik diketengahkan adalah pembabitan golongan wanita sebagai penarik filem.

Azhar menyatakan bahawa adalah tidak salah apabila seseorang wanita itu berlakon kalau mengikut syariat.

"Tetapi akan menjadi haram apabila mereka (wanita) tampil mendedahkan aurat, berpakaian seksi, dengan tujuan menarik penonton maka yang buat filem, yang menonton dan bersekongkol akan mendapat dosa," jelasnya pada penganjuran Sembang Ambang 2014 di sini.

Turut serta, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Permatang Pasir, Datuk Mohd. Saleh Man, Exco Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Abdul Malik Abul Kassim dan Mohd. Rashid.

Dalam pada itu, di Persiaran IJM, persembahan pentas oleh artis-artis tempatan turut menghiburkan para hadirin yang hadir.

# Dua majlis rumah terbuka Krismas erat pemuafakatan

Oleh : **NORSHAHIDA YUSOFF & WATAWA NATAF ZULKIFLI**



SEBUAH keluarga memberikan gaya menarik kepada lensa Buletin Mutiara pada MRTM Krismas di Padang Kota Lama baru-baru ini di sini.



KETUA Menteri bersama Perdana Menteri dan Mohamad Nazri Abdul Aziz (depan, dua dari kiri) berdiri ketika lagu kebangsaan, Negaraku didendangkan.

**GEORGE TOWN -** Majlis Rumah Terbuka Malaysia (MRTM) Krismas yang diadakan di sini baru-baru ini ternyata sebagai tanda bukti perhubungan antara Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan dalam keadaan matang, sihat dan membina, ujar Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng.

Beliau berkata, walaupun Perlembagaan Persekutuan memartabatkan agama Islam sebagai agama rasmi, namun, agama lain bebas diamalkan tanpa sekatan dan halangan.

"Kita berharap semua penduduk tanpa mengira kaum dan agama dapat memupuk semangat permuafakatan, persahabatan, hidup aman serta damai serta saling hormat-menghormati antara satu sama lain.

"Walaupun masyarakat beragama Kristian hanya berjumlah 10 peratus daripada keseluruhan penduduk negara, Krismas tetap disambut dengan penuh semangat muhibbah dan persaudaraan pada setiap tahun dengan penganut-penganut agama lain tanpa sikap prejudis serta buruk sangka.

"Amalan kunjung-mengunjung serta memberi hadiah menjadikan suasana yang lebih meriah dan ceria di seluruh negara," ujarnya ketika MRTM Krismas di Padang Kota Lama baru-baru ini di sini.

Hadir menyerikan majlis adalah Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak, Menteri Pelancongan dan Kebudayaan, Datuk Seri Mohamad Nazri Abdul Aziz, Menteri Di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Joseph Kurp dan barisan Exco Kerajaan Negeri.

Sempena majlis tersebut, bantuan dana sejumlah RM10,000 masing-masing disumbangkan kepada empat pertubuhan bukan kerajaan (NGO) yang aktif menjalankan aktiviti kebudayaan di negeri ini.

Sementara itu, pada Majlis Sambutan Krismas Peringkat Negeri Pulau Pinang yang dihadiri kira-kira 3,000 hadirin turut menyaksikan sebanyak enam NGO menerima sumbangan berupa wang tunai dari Persatuan Kristian Malaysia (CFM).

Pertubuhan tersebut adalah terdiri daripada *St. Vincent de Paul,* Kawan *Drop-In Centre, Charis Home, Asia Community Service, House of Hope* dan Hospital Mount Miriam.

Pengerusi Jawatankuasa Perhubungan CFM, Rev. Sam Surenderan merakamkan ucapan terima kasih kepada Kerajaan Negeri kerana sudi menjadi penganjur bersama pada majlis sambutan tersebut yang dihadiri pelbagai kaum dan agama negeri ini.

Majlis yang penuh dengan warna-warni tersebut turut diserikan dengan pelbagai persembahan kebudayaan dan juadah tradisi Pulau Pinang.



HAMPIR 3,000 pengunjung hadir memeriahkan Majlis Rumah Terbuka Krismas Peringkat Negeri Pulau Pinang di sini baru-baru ini.

***Fakta Pembelian kereta Mercedes-Benz S300L Kerajaan Negeri.***

# Fakta jawab tuduhan tidak berasas

Oleh: **YAP LEE YING**

**GEORGE TOWN** - Pegawai Kewangan Negeri, Datuk Mokhtar Mohd. Jait baru-baru ini menggariskan lima fakta berkaitan dengan tuduhan tidak berasas pembelian kereta *Mercedes-Benz S300L* untuk YAB. Ketua Menteri Pulau Pinang di sini.

Dalam kenyataan akhbar beliau, fakta-fakta dinyatakan adalah sebagaimana berikut :

**PERTAMA :**

• Kelayakan Ketua Menteri Pulau Pinang memang berhak menggunakan dua buah kereta iaitu *Mercedes-Benz S400* dan *Mercedes-Benz S300*.

• Beliau kini menggunakan sebuah kereta sahaja iaitu Mercedes-*Benz S300L* dengan harga RM298,263.75 berbanding dengan harga biasa RM657,218.00.

• Perlu ditegaskan bahawa kereta *Toyota Camry 2.5* yang digunakan Ketua Menteri telah diperuntukan kepada Timbalan Speaker Dewan Undangan Negeri (DUN) Pulau Pinang, Maktar Shapee.

**KEDUA :**

• Tuduhan bahawa diskaun RM100,000 yang diberikan untuk kereta adalah daripada Tan Seri Tan Kok Ping adalah satu fitnah sama sekali.

• Diskaun tersebut adalah dari pembekal *Mercedes-Benz* di seluruh Malaysia, bukan oleh *'dealer' Mercedes-Benz* dan tawaran ini diberikan kepada semua yang ingin membeli *Mercedes-Benz S300L* keluaran tahun 2012.

**KETIGA :**

• Pada peringkat awal, Kerajaan Negeri sememangnya bercadang untuk membeli kereta *Mercedes-Benz* kepada 15 EXCO (termasuk Ketua Menteri) dan Speaker DUN kerana ciri keselamatan dan daya tahan kereta. Bagaimanaapun, cadangan tersebut tidak tercapai kerana kos cukai (*sales tax* & eksais duti) yang tinggi dan urusan bagi mendapatkan pengecualian cukai tidak diperoleh.

• Tambahan pula, pembekal *Mercedes-Benz* tidak dapat memberikan jaminan bertulis bahawa tempahan kereta boleh dibatalkan sekiranya pengecualian cukai tidak dapat diperoleh.



**MOKHTAR Mohd. Jait.**

Ketua Menteri dan Ahli-ahli EXCO enggan menggunakan kereta *Mercedes-Benz* yang dibeli dengan bayaran penuh cukai serta tanpa *'fleet discount'* sepertimana dilakukan Kerajaan Negeri-negeri lain sebelum ini kerana kosnya terlalu tinggi.

• Prosedur permohonan untuk pengecualian cukai adalah pemohon mesti membeli kereta dahulu dengan mengeluarkan pesanan kerajaan dan kemudiannya barulah membuat permohonan pengecualian cukai kepada Jabatan Kastam Di Raja Malaysia. Oleh itu, Kerajaan Negeri juga mahu pembekal memberikan jaminan akan mengambil balik kereta tanpa bayaran oleh Kerajaan Negeri sekiranya pengecualian cukai gagal diberikan. Pembekal enggan berbuat demikian untuk 15 buah kereta.

• Oleh itu, pembelian 15 kereta Toyota Camry diteruskan untuk Ketua Menteri, Ahli-ahli EXCO dan Speaker. Hanya selepas 15 buah kereta *Toyota Camry* diserahkan pada 31.10.2013, barulah pembekal kereta *Mercedes-Benz* memberikan surat jaminan yang diperlukan tetapi hanya untuk sebuah kereta *Mercedes-Benz S300L*. Selepas itu, barulah Mesyuarat EXCO Pulau Pinang memutuskan secara sebulat suara untuk membeli sebuah kereta *Mercedes-Benz S300L* pada 20 November 2013.

**KEEMPAT :**

• Berdasarkan pengecualian cukai yang diperoleh dan perbezaan besar di antara harga asal RM657,218.00 dengan harga tanpa cukai dan diskaun RM298,263.75 atau pun pengurangan sebanyak RM358,954.25 atau 55 peratus, ia tidak banyak berbeza dengan harga kereta lama *Mercedes-Benz S320L* yang dibeli 18 tahun dulu pada 4 September 1995 iaitu sebanyak RM271,331.22.

• Tambah pula, kereta jenama *Mercedes-Benz* sememangnya diketahui umum dan terkenal dengan daya tahan lama serta penggunaan kereta *Mercedes-Benz S320L* yang lama boleh diguna dengan kos penyelenggaraan lebih rendah. Sebagai perbandingan kos penyelenggaraan kereta Perdana Executive sebagai contoh, kereta PAC 77 yang telah dibeli pada 14 Oktober 2004 dengan harga RM117,026.36, kos penyelenggaraan untuk sembilan tahun pertama sehingga 2013 adalah RM178,105.10 iaitu lebih tinggi daripada harga pembelian asal RM117,026.36. Ini amat merugikan Kerajaan Negeri.

• Bagi *Mercedes-Benz S320L* yang dibeli pada 4 September 1995 dengan harga RM271,331.22, kos penyelenggaraan adalah sebanyak RM110,000 untuk tempoh sembilan tahun pertama. Tambahan pula, kereta *Mercedes-Benz* masih mempunyai nilai terpakai *(second hand value)* yang baik.

**KELIMA :**

• Kereta baru *Mercedes-Benz S300L* tersebut dibeli semata-mata adalah kerana pengecualian cukai serta diskaun sebanyak 55 peratus yang diperoleh.

• Tanpa diskaun 55 peratus itu, pembelian tidak akan dibuat.

• Kereta baru *Mercedes-Benz S300L* akan menjadi milikan Kerajaan Negeri selama-lamanya dan mempunyai *'economic value for money'* dari segi jangka masa panjang. Ini adalah kerana Ketua Menteri, Y.A.B. (Tuan) Lim Guan Eng telah menyatakan tidak akan membeli untuk sendirinya selepas bersara.

## Saya alu-alukan sebarang siasatan dicadangkan SPRM - KM



**KERETA *Mercedes-Benz S300L* yang menjadi tuduhan tidak berasas sesetengah pihak.**

**GEORGE TOWN** - Berikutan laporan portal berita *Fz.com* berhubung isu pembelian *Mercedes-Benz S300L* oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng telah mengeluarkan kenyataan media di sini baru-baru ini.

Berikut adalah apa yang dinyatakan oleh beliau :

"Saya mengalu-alukan sebarang siasatan yang dicadangkan oleh SPRM seperti yang dilaporkan oleh portal berita *Fz.com* atas pembelian *Mercedes-Benz S300L* oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk kegunaan rasmi saya. Sama ada SPRM akhirnya akan menyiasat atau tidak, kerjasama sepenuhnya akan diberikan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan saya kepada SPRM kerana Kerajaan Negeri adalah bersih dan saya tidak mempunyai apa-apa untuk disembunyikan.

"Saya tidak akan mempersoalkan SPRM mengapa tiada siasatan dijalankan ke atas kerajaan BN yang membuat pembelian yang serupa tanpa diskaun 55 peratus. Saya pasti SPRM akan mendapati bahawa Kerajaan Negeri Pulau Pinang adalah 'bersih' kerana urus niaga keseluruhan bagi pembelian *Mercedes Benz* telah dikendalikan oleh Pegawai Kewangan Negeri, Dato Mokhtar Mohd. Jait, yang telah mematuhi semua prosedur dan undang-undang dan mempunyai dokumen yang sah.

"Saya telah mengkritik pembelian 14 buah *Mercedes E200* dengan harga RM 245,000 seunit yang dibeli oleh Kerajaan Negeri Terengganu pada tahun 2008 dengan kos keseluruhan RM 3.43 juta kerana tidak berpadanan dengan harganya atau tiada *'value for money'*. Mereka tidak mendapat diskaun 55 peratus untuk 14 buah kereta *Mercedes*, tidak seperti diskaun 55 peratus yang diperoleh oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang apabila membeli sebuah kereta *Mercedes Benz*.

"Hanya di Malaysia akan disiasat oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) kerana membeli kereta dengan diskaun 55 peratus dan menjimatkan wang rakyat tetapi SPRM jelas tidak berminat untuk menjalankan sebarang siasatan apabila ada pembelian melebihi harga pasaran dan membazirkan wang rakyat. Kerajaan Negeri telah membeli *Mercedes Benz S300L* pada harga RM298, 263,75, dengan diskaun sebanyak 55 peratus atau RM358,954,25 ekoran diskaun dan pengecualian cukai berbading dengan harga asal RM657, 218.00.

"Saya tidak akan terkejut SPRM ingin menyiasat Kerajaan Negeri kerana menjimatkan wang berjumlah RM 358,954.25, tetapi membiarkan mereka yang membeli berkali ganda daripada harga pasaran sebagaimana yang didedahkan dalam Laporan tahunan Ketua Audit Negara. Laporan Ketua Audit Negara 2012 menyatakan wujud pembaziran dan salahlaku yang berjumlah RM6.5 bilion termasuk:

• Peralatan pasukan polis yang bernilai RM1.3 juta hilang termasuk 156 buah gari, 44 pucuk senjata, dan 29 buah kenderaan;

• Jabatan Penyiaran membeli 20 jam dinding pada harga RM 3,810, iaitu 38 kali ganda lebih mahal daripada anggaran harga pasaran, RM100 dan tiga mesin pengimbas A4 pada harga RM14,670 setiap satu unit, lebih 70 kali ganda daripada anggaran harga pasaran, RM200;

• Jabatan Kastam telah menghapuskan kasut yang bernilai RM600,000 yang dibeli kerana tidak sesuai dengan pegawai mereka;

• Bangunan haram Kompleks Kastam dan Kuarantin Imigresen Kerajaan Negeri Melaka yang dibina atas tanah swasta, yang akhirnya melibatkan kos tambahan RM10.8 juta untuk memberi pampasan kepada pemilik tanah, ditambah lagi kos tambahan lagi RM40 juta pada kos bangunan yang telah melonjak kerana kelewatan;

• Kementerian Belia membelanjakan RM3 juta secara mewah untuk sambutan Hari Belia Kebangsaan, termasuk RM1.6 juta untuk membawa kumpulan K-Pop dari Korea;

• Kos tambahan RM1.3 bilion ke atas projek Empangan Bakun yang bernilai USD 2.3 bilon dan membayar USD 133 juta (RM430 juta) sebagai ganti rugi kepada dua kontraktor asing bagi kerugian yang ditanggung akibat kelewatan sehingga empat tahun dalam kerja-kerja kejuruteraan awam.

"Tiada tindakan yang diambil oleh SPRM untuk pembaziran wang rakyat yang melibatkan kerajaan BN (Barisan Nasional) tetapi pendekatan yang berbeza diambil apabila wang rakyat dijimatkan oleh kerajaan PR. Ini benar-benar Malaysia Boleh!" tegas Guan Eng.

# PBAPP F.C. tiada pemain import

Oleh: **AINUL WARDAH SOHILLI**

**GEORGE TOWN –** Setelah dua tahun berada dalam Liga FAM, Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP) F.C. kini sedia menghadapi cabaran baru dalam Liga Perdana, sebaris dengan skuad Harimau Kumbang pada musim akan datang.

Ketua Menteri yang juga merupakan Pengerusi PBAPP, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng menzahirkan rasa bangga atas tahap pencapaian pasukan tersebut dan berharap agar mutu permainan diteruskan untuk memasuki Liga Super.

"Saya amat positif dengan pencapaian dan mutu permaianan yang ditonjolkan pemain, pihak pengurusan dan semua pihak yang menyokong kebangkitan skuad bola sepak negeri.

"Hal ini sekaligus membuktikan bahawa pendekatan berbeza Kerajaan Negeri dalam pembangunan sukan membuahkan hasil," katanya dalam sidang media di Komtar baru-baru ini.

Turut hadir, Pengurus Besar PBAPP Sdn. Bhd., Ir. Jaseni Maidinsa, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pengkalan Kota, Lau Keng Ee dan Pengurus Pasukan, Jamil Mohd. Noor.

Jelas beliau, Pulau Pinang mengambil pendekatan tanpa melibatkan ahli politik dalam memegang apa-apa jawatan dalam skuad negeri.

"Hanya mereka yang professional, berkepakaran dan tahu selok belok bola sepak wajar memegang jawatan dalam pengurusan dan bukannya ahli politik yang tidak mempunyai masa terluang untuk mengatur strategi permainan," tegasnya.

Guan Eng dalam pada itu turut menasihati pemain dan pihak pengurusan untuk tidak terlibat dengan pengambilan dadah dan amalan *bookie (bookmaker)* yang ternyata akan mencemarkan mutu sukan negara.




KETUA Menteri sambil ditemani Ir. Jaseni Maidinsa (dua dari kiri) dan Lau Keng Ee (kanan sekali) menunjukkan jersi skuad PBAPP F.C. pada majlis sidang media di sini baru-baru ini.

Jamil berkata, PBAPP F.C. merupakan satu-satunya pasukan bola sepak dalam Liga Perdana yang tidak mengambil pemain import.

"Sememangnya adalah menjadi sebahagian misi kita untuk menggilap bakat-bakat muda tempatan dalam usaha memartabatkan sukan bola sepak negara.

"Walaupun baru berusia dua tahun, para pemaian PBAPP F.C. mempunyai hati yang besar dan cita-cita yang tinggi dalam meningkatkan mutu permaianan serta tidak akan gentar berlawan dengan pasukan lawan yang menampilkan pemain import kerana kita yakin bakat tempatan mampu menyerlah," ujar beliau.

Selain perkenalan pemain skuad PBAPP F.C., turut diadakan adalah pengenalan jersi pasukan dan penyampaian jersi istimewa kepada Ketua Menteri.

## Sungai Pinang hampiri misi bebas banjir

Oleh: **WATAWA NATAF ZULKIFLI**



JAGDEEP Singh Deo (dua dari kiri) dan Chow Kon Yeow (dua dari kanan) meneliti pelan penempatan yang terlibat dalam RTB Fasa II Sungai Pinang di lokasi bagi meninjau kerja-kerja perobohan struktur penempatan di jajaran Sungai Pinang sini baru-baru ini.

**DATOK KERAMAT –** Setelah lebih sedekad tertangguh, kini projek Rancangan Tebatan Banjir (RTB) Fasa II Sungai Pinang yang merupakan projek terbesar di antara 223 projek tebatan banjir dalam negara dengan jumlah perbelanjaan RM150 juta di sini akhirnya dapat dilaksanakan..

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Datok Keramat, Jagdeep Singh Deo berkata, projek tersebut perlu dimulakan dengan tindakan meroboh 120 struktur binaan di sepanjang laluan merangkumi lima pakej iaitu dari Jalan Singgora ke Jalan Samak, titi Jalan Samak ke titi Jalan P. Ramlee, titi Jalan P. Ramlee ke Binaan Stor, Binaan Stor ke Jalan Langkawi dan Kampung Rawa hingga Lengkok Sungai Pinang.

"Dari jumlah 120 struktur terbabit, sebanyak 68 struktur penempatan di jajaran dari Desa Singgora Sungai Pinang hingga Dhoby Ghaut telah selesai, separa selesai (22), belum selesai (19) dan bilangan tidak terlibat bayaran (10).

"Bayaran ganti rugi keseluruhan berjumlah RM3.96 juta kepada para penghuni diberikan mengikut pakej 40 peratus/60 peratus di mana baki keseluruhan hanya akan diserahkan setelah pemilik mengosongkan premis masing-masing," ujarnya ketika mengadakan lawatan ke lokasi bagi meninjau kerja-kerja perobohan struktur penempatan di jajaran Sungai Pinang sini baru-baru ini.

Turut hadir, Exco Kerjaan Tempatan Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow.

Tambah Jagdeep, baki bayaran kepada penduduk yang enggan mengosongkan tapak masing-masing dijangka bakal diselesaikan pada suku pertama tahun ini.

"Pengosongan ini amat penting kerana kawasan ini sering dilanda banjir dan amat berbahaya.

"Kita (Kerajaan Negeri) mengosongkan tebing sungai ini demi projek awam dan bagi mengelakkan penduduk daripada terdedah kepada bahaya banjir.

"Ia bukannya untuk mendirikan rumah mewah demi keuntungan," tegas beliau.

Projek mengosongkan tebing sungai yang menelan belanja sebanyak RM204,000 tersebut turut melibatkan lima kontraktor terpilih melalui tender terbuka oleh Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) sebelum ini.

Para kontraktor turut diberi masa tempoh masa 18 hari bagi menyelesaikan kerja-kerja disyaratkan.

Dalam pada itu, Kon Yeow menyatakan bahawa projek melebar dan menguatkan struktur tebing akan dijalankan sebaik sahaja semua perobohan struktur binaan selesai.

## Melancong ke Jepun tanpa visa mulai 1 Julai

Oleh: **ZAINULFAQAR YAACOB**



ISTERI Ketua Menteri, Betty Chew Gek Cheng (dua dari kanan), Lim Siew Khim (Ahli Dewan Undangan Negeri Sungai Pinang) dan beberapa tetamu lain bergambar kenang-kenangan dengan Ryuji Noda (dua dari kiri) pada Majlis Hari Ulang Tahun Ke-80 Maharaja Jepun di sini baru-baru ini.

**GEORGE TOWN –** Warganegara yang mahu melancong ke Jepun tidak perlu lagi memohon visa mulai 1 Julai ini, sebaliknya cukup membawa kad pengenalan *MyKad* sempena menyambut ulang tahun ke-40 penubuhan ASEAN yang menjalinkan hubungan harmoni Malaysia dengan negara matahari terbit itu.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng yang menyertai Hari Ulang Tahun Ke-80 Maharaja Jepun di sini baru-baru ini berkata, beliau berharap hubungan Malaysia dengan negara matahari terbit itu kian akrab sebagaimana suburnya pokok yang pernah ditanam oleh maharaja berkenaan semasa melawat Padang Kota Lama di sini pada tahun 1970 hingga sekarang.

"Pokok itu telah berkembang dengan baik dan telah menjadi simbol hubungan antara Pulau Pinang dan Jepun," katanya di depan hampir 300 diplomat yang menjadi tetamu majlis itu.

Sebelum itu, Konsul-Jeneral Negara Jepun ke Malaysia, Ryuji Noda berkata, rakyat Malaysia direkodkan ramai melawat ke Jepun pada tahun 2013, hatta, mendorong kerajaan negara itu menyediakan surau untuk warganegara yang rata-rata beragama Islam.

Beliau berkata, sehingga Disember 2013, seramai 12,000 warganegara direkodkan melawat negara itu.

Jumlah itu, jelas Ryuji, menunjukkan pertambahan 30 peratus berbanding rekod kemasukan warganegara Malaysia ke Jepun pada tahun 2012.

Tambahnya, Hokkaido merupakan antara destinasi pelancongan tumpuan pelancong Malaysia, terutama mereka yang mahu menikmati pengalaman bermain ski.

"Peningkatan pelawat Malaysia telah mendorong kerajaan Jepun untuk menubuhkan surau di lapangan terbang dan menggalakkan restoran menghidangkan makanan halal.

"Langkah sedemikian juga akan baik untuk pelawat Indonesia dan Timur Tengah ke Jepun, " ujar Ryuji.

# Naiktaraf 11 lagi pasar awam menjelang 2014 – KM

Oleh: **ZAINULFAQAR YAACOB**

**BAGAN –** Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng menjangkakan 11 buah lagi pasar awam di sekitar Seberang Perai akan siap dibaik pulih serta dinaik taraf menjelang tahun 2014.

"Pasar Awam Sri Bandar ini telah dibina pada awal tahun 80-an, tetapi, tidak pernah dinaik taraf sehinggalah MPSP (Majlis Perbandaran Seberang Perai) mendapat peruntukan RM5 juta daripada Kerajaan Negeri untuk membaik pulih (memperbaharui) Pasar Awam Sri Bandar dan juga dua pasar awam lain.

"Sebanyak 23 pasar awam juga telah menjalani pembaikan kecil dengan peruntukan sebanyak RM5 juta.

"Dijangka, ada 11 buah pasar awam lagi akan dibaik pulih dan dinaik taraf menjelang tahun 2014," ujarnya yang juga Ahli Parlimen Bagan pada Majlis Pembukaan Semula Pasar Awam Sri Bandar di sini baru-baru ini.

Yang di-Petua MPSP, Maimunah Mohd. Sharif turut berucap pada majlis rasmi itu.

Hadir sama, Exco Kerja Raya, Pengangkutan & Utiliti, Lim Hock Seng, Phee Boon Poh (Exco Kebajikan, Masyarakat Penyayang & Alam Sekitar) dan Dr. Afif Bahardin (Exco Pertanian, Industri Asas Tani, Pembangunan Desa & Kesihatan, Michael Tan Cheong Heng (Ahli Majlis bagi MPSP) dan Arshad Md. Salleh (Pegawai Penyelaras Kawasan Dewan Undangan Negeri, DUN Permatang Berangan).



**KEADAAN Pasar Awam Sri Bandar sebelum dinaiktaf.**



**WAJAH baru Pasar Awam Sri Bandar selepas perasmian pembukaan semula di sini baru-baru ini.**

Guan Eng menjelaskan, Kerajaan Negeri pada tahun 2011 memperuntukkan RM10 juta untuk menaik taraf pasar-pasar awam meliputi ketiga-tiga daerah di Seberang Perai.

Dari jumlah itu, beliau berkata, RM5 juta untuk menaik taraf 21 pasar awam, manakala, baki RM5 juta lagi diperuntukan untuk memperbaharui tiga buah pasar lain.

Tiga buah pasar yang diperbaharui itu adalah Pasar Awam Sri Bandar dekat Seberang Perai Utara (SPU), Pasar Awam Samagagah dekat Seberang Perai Tengah (SPT) dan Pasar Awam Taman Berjaya dekat Seberang Perai Selatan (SPS).

Projek pembaharuan Pasar Awam Sri Bandar menelan peruntukan sebanyak hampir RM1.9 juta (RM1,894,674.55) peruntukan Kerajaan Negeri.

Kerja-kerja pembaharuan pasar itu bermula pada 1 Jun 2012 dan siap sepenuhnya pada 19 Disember lepas.

Pasar awam itu menyediakan 131 unit gerai, dilengkapkan dengan sistem *'greasetrap'*, iaitu sistem perangkap sampah berpusat demi melestari kebersihan di situ.

Itu, tidak termasuk kemudahan tiga tandas lelaki, tiga tandas perempuan serta satu tandas khas untuk orang kurang upaya (OKU).

Bumbung setinggi lebih 20 kaki untuk tujuan pengudaraan selesa serta bangunan mesra OKU merupakan antara elemen istimewa pada projek pembaharuan Pasar Awam Sri Bandar tersebut.

Dalam perkembangan sama, Guan Eng berkata, langkah Kerajaan Negeri memperuntukkan kira-kira RM10 juta itu antara lain untuk menyelamatkan MPSP sendiri yang dikatakan hampir bankrap, iaitu semasa Kerajaan Negeri baru berpindah tangan kepada Pakatan Rakyat pada bulan Mac 2008.

"Sebelum (tahun) 2008, MPSP tidak pernah melaksanakan kerja-kerja naik taraf kerana MPSP sendiri semasa itu hampir bankrap.

"(Bagaimanapun), bagi prestasi kewangan tahun 2013 ini, saya difahamkan, MPSP telah memperoleh pendapatan sebanyak RM177.9 juta, manakala, perbelanjaan MPSP pula adalah sebanyak RM172.3 juta.

"Ini bermakna, MPSP terus mengekalkan rekod surplas sepanjang lima tahun ini dengan lebihan pendapatan sebanyak RM5.6 juta," jelasnya sambil merakamkan penghargaan kepada 'pasukan' Maimunah.

# Bukit Bendera rai tetamu ke-3 juta

Oleh: **WATAWA NATAF ZULKIFLI**

**AIR ITAM –** Perbadanan Bukit Bendera Pulau Pinang (PHC) memperkenalkan sistem tiket bermusim berkuatkuasa 1 Januari lalu di sini.

Perkara tersebut diumumkan Pengurus Pemasaran dan Promosi PHC, Baharin Annuar Abu Bakar pada Majlis Khas Menyambut Pelancong Ke-3 Juta Ke Bukit Bendera di sini baru-baru ini.

Menurut Baharin Annuar, tiket bermusim berkenaan akan dibahagikan kepada beberapa kategori seperti bulanan dan tahunan kepada warganegara dan bukan warganegara Malaysia.

"Harga bagi tiket bermusim bulanan adalah RM40, tahunan (RM 100) bagi setiap pemegang kad pengenalan

"Manakala, bagi bukan warganegara, harga pas bulanan adalah bernilai RM100 sebulan dan tahunan (RM1,000)," ujar beliau.

Sementara itu, bagi Darren Teo, 42 dan pasangan Diana Ong, 40, yang muncul sebagai pelancong ke-3 juta Bukit Bendera melahirkan rasa amat bertuah atas kunjungan pertama ke negeri ini.

"Sebenarnya, kami mengikuti percutian pakej pelayaran ke Melaka serta Pulau Pinang, dan tidak sangka kunjungan singkat (sehari) ke sini membawa tuah.

"Saya juga teruja untuk datang ke sini memandangkan mempunyai sahabat di sini yang sering menceritakan tentang tempat-tempat menarik di Pulau Pinang," ujar Diana yang merupakan ibu kepada dua cahaya mata kepada Buletin Mutiara di sini baru-baru ini.

Sebagai hadiah menjadi pengunjung ke-3 juta, keluarga berkenaan dilayan istimewa dengan dibawa oleh gerabak khas ke puncak dan sajian makan tengah hari di restoran terkemuka, *David Brown*.

Malah, Diana yang berasal dari Singapura turut menerima jambangan bunga daripada pihak PHC.

Sambutan yang sama turut akan diadakan bagi menyambut pelancong Ke-4 juta.




**DIANA Ong (dua dari kiri) sekeluarga bergambar kenangan di Stesen Bawah Bukit Bendera bersama Pengurus Besar PHC, Dr. Lawrence Khoo (kiri sekali) dan Baharin Annuar Abu Bakar (kanan sekali) setelah diumum sebagai pengunjung ke-3 juta di sini baru-baru ini.**

# PPS terima pengiktirafan 'berpaku'

Oleh: **WATAWA NATAF ZULKIFLI**

**GEORGE TOWN –** Seramai 225 ahli Pasukan Peronda Sukarela (PPS) bahagian pulau menerima pengiktirafan pangkat oleh Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng pada satu majlis di Dewan Tunku Komtar di sini baru-baru ini.

Tiga jenis pangkat dianugerahkan iaitu tiga paku kepada Ketua Pasukan, Timbalan Ketua Pasukan (dua paku) dan Naib Ketua Pasukan (satu paku).

Guan Eng ketika menjelaskan dengan lebih lanjut berkata, pengiktirafan pangkat jawatan Ketua Pasukan ditetap dan dipersetujui Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) pada awal penubuhan sesebuah pasukan PPS, manakala jawatan Timbalan dan Naib Ketua Pasukan diputuskan melalui mesyuarat ADUN dan ahli jawatankuasa yang terdiri daripada Ketua Pasukan di bawah Dewan Undangan Negeri (DUN) masing-masing.

"Melalui mesyuarat ini, nama-nama calon untuk lantikan ke jawatan tersebut akan dibincang dan dilantik setelah mendapat persetujuan semua ahli jawatankuasa mesyuarat," ujarnya pada Majlis Pelantikan Pangkat Anggota PPS di sini baru-baru ini.

Bagi rekod penubuhan, PPS ditubuhkan sejak 2011 bagi mewujudkan persekitaran selamat kepada komuniti dalam membendung kegiatan jenayah seperti ragut, bunuh dan lain-lain.

Secara tahunan, Kerajaan Negeri memperuntukkan RM1.5 juta bagi melicinkan operasi PPS seperti membeli kemudahan peralatan *walkie-talkie, vest,* topi, lampu suluh dan terbaru sepasang kasut keselamatan serta seluar panjang untuk tujuan rondaan.




**BARISAN PPS yang menerima penganugerahan pangkat pada Majlis Pelantikan Pangkat Anggota PPS di sini baru-baru ini.**

Malah, anggota PPS turut dilindungi insurans berkelompok di mana masing-masing layak menerima pampasan RM10,000 sekiranya berlaku kecacatan kekal atau kehilangan nyawa ketika bertugas.

Menurut Guan Eng, inisiatif penubuhan PPS adalah untuk membantu pihak polis dalam mengurangkan kadar jenayah dan ia terbukti melalui beberapa kes yang berjaya ditangani dengan bantuan pasukan berkenaan.

"Lanjutan itu, ia telah menyangkal andaian sesetengah pihak bahawa PPS cuba mengambil-alih tugas polis sedangkan semua pihak mengetahui bahawa pasukan keselamatan terbabit (Polis Diraja Malaysia, PDRM) mempunyai bidang kuasa sah dalam soal keselamatan negara," ujarnya.

Bagi rekod terbaru, beliau memberitahu bahawa, sebanyak 264 pasukan PPS berjaya ditubuhkan seluruh negeri termasuk Seberang Perai dengan kekuatan anggota seramai 8,263.

## Lepas benih ikan galak pembiakan habitat sungai

Oleh: **ZAINULFAQAR YAACOB**

**SUNGAI DUA-** Syarikat pembekelan peralatan perabot, Delta Business Solutions Sdn. Bhd. (Delta) bersama-sama pertubuhan bukan kerajaan (NGO), *Lions Club of Georgetown* sekali lagi menganjurkan Projek Pelepasan Benih Ikan 2013 ke Sungai Perai dengan sokongan Kerajaan Negeri melalui Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) baru-baru ini.



**DR. Afif Bahardin (depan, tiga dari kanan) bersama sukarelawan dari Delta dan *Lions Club of Georgetown* masing-masing bersedia melepaskan anak benih ikan lampam dan udang galah ke Sungai Perai pada majlis khas di sini baru-baru ini.**

Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin berkata, pihaknya menghargai inisiatif kedua-dua pihak itu dalam mengumpulkan dana demi projek pemuliharaan alam sekitar termasuk usaha memulihara habitat di sungai berkenaan.

"Saya difahamkan, ini adalah projek fasa kedua selepas fasa pertama *Delta Eco Night Run 2013* dianjurkan pada 30 Ogos lalu.

"Saya ingin merakamkan penghargaan atas projek CSR (tanggungjawab sosial korporat) yang dilakukan oleh Delta," ujar Afif yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seberang Jaya pada majlis perasmian projek tersebut di Pengkalan Machang di sini baru-baru ini.

Hampir 100 sukarelawan dari Delta menyertai projek yang diadakan secara serentak dengan Hari Belia & Komuniti Setempat di sini.

Nelayan dan pengusaha restoran makanan laut setempat turut menyertai pelancaran projek itu.

Mereka bersama-sama Afif melepaskan anak benih udang galah dan ikan lampam demi menggalakkan pembiakan habitat di Sungai Perai tersebut.

## Sumbangan harap bakar semangat artis veteran

**PERAI –** Artis veteran, A.Ganesan yang baru dipotong kaki demi mencegah penyakit diabetes daripada merebak mendapat perhatian kepimpinan Kerajaan Negeri di sini baru-baru ini.



**A.Ganesan (duduk).**

Timbalan Ketua Menteri II, Prof. Dr. P. Ramasamy berkata, beliau berharap sumbangan motosikal roda tiga khas orang kurang upaya (OKU) dapat membakar semangat Ganesan untuk terus berkarya dalam dunia kesenian.

"Pemberian (motosikal OKU) ini adalah satu penghormatan atas jasanya dalam dunia seni ini.

"Berat mata memandang, berat lagi bahu memikul. Tetapi, saya berharap (sumbangan) ini dapat membakar semangatnya untuk terus berkarya," ujarnya pada majlis sumbangan ringkas di sini baru-baru ini.

Dalam pada itu, Ramasamy turut merakamkan penghargaan kepada dua pertubuhan bukan kerajaan (NGO), Persatuan Thiruvalluvar Pulau Pinang dan Persatuan Muthamil Pulau Pinang kerana menganjurkan program sumbangan tersebut.

A.Ganesan merupakan artis serba boleh, dikenali dalam bidang lakonan, nyanyian hatta mengaturcara majlis di negeri ini.

Beliau berkecimpung dalam dunia kesenian kira-kira 30 tahun.

# Perjanjian sepadu khidmat perubatan satu bumbung




YEAP Leong Soon (kanan sekali) dan Seth Lim (tiga dari kiri) saling bertukar dokumen perjanjian usahasama strategik sambil disaksikan Ketua Menteri dan wakil-wakil pada Majlis Menandatangani Perjanjian Usahasama Strategik untuk Pembangunan Menara HSC Pulau Pinang di sini baru-baru ini.

Oleh: **AINUL WARDAH SOHILLI**

**GEORGE TOWN –** Syarikat korporat, Heng Lee & Company Sdn. Bhd. (HLC) menandatangani perjanjian usahasama dengan HSC Property (Penang) Sdn. Bhd. (HSCP) dalam usaha membangunkan sebuah pusat sehenti bersepadu yang menawarkan penjagaan kesihatan dan perubatan di bawah satu bumbung.

Pengarah HLC, Yeap Leong Soon berkata, perkongsian strategik bersama HSCP bukan sahaja bakal menjadikan Menara HSC sebagai sebuah pusat sehenti kesihatan bersepadu pertama di Pulau Pinang, tetapi juga dilengkapi dengan hotel yang mampu menjadi tarikan dalam perkembangan sektor pelancongan perubatan dalam negara.

"Konsep dan rekabentuk pusat sehenti ini telah ditambah nilai jika dibandingkan terdahulu yang hanya pada mulanya sebuah bangunan komersial kosong dan biasa.

"Dengan adanya integriti antara pelancongan dan perubatan, maka pengubahsuaian pelan asal dilakukan sejajar dengan perkembangan dan aspirasi Pulau Pinang ke arah mewujudkan sebuah bandar perubatan menjelang 2015," ucapnya pada Majlis Menandatangani Perjanjian Usahasama Strategik untuk Pembangunan Menara HSC Pulau Pinang di sini baru-baru ini.

Dokumen perjanjian ditandatangani Pengerusi HLC, Datuk Seri Yeap Leong Huat dan Pengerusi *HSC Healthcare Group of Companies,* Dr. Lim Yin Chow di hadapan Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng.

HLC merupakan syarikat tempatan yang beroperasi sejak Januari 1933 dengan mengkhususkan kepada perdagangan beras dan perdagangan am.

Merentasi waktu, syarikat tersebut telah menceburi pelbagai bidang termasuk perbankan, perniagaan, pengurusan hartanah, pendidikan, pengudangan dan terkini pelancongan perubatan serta kesihatan.

Dalam pada itu, menurut Leong Soon, dengan kewujudan Menara HSC Pulau Pinang kelak, dijangkakan kehadiran pesakit dari negara jiran akan meningkat.

Hal ini, katanya, dengan fasiliti kesihatan dan perubatan serta pemeriksaan kesihatan bertaraf antarabangsa menjadikan Menara HSC Pulau Pinang, Jalan Magazine sebagai sebuah pusat kesihatan terulung di Malaysia.

Bagi Pengarah Eksekutif HSCP, Ir. Seth Lim, usahasama tersebut dilihat sebagai penyatuan ulung antara perubatan dan perkhidmatan hospitaliti terulung yang akan meletakkan Pulau Pinang sebagai peneraju pelancongan perubatan di negara ini.

"Terima kasih juga kepada Kerajaan Negeri kerana merealisasikan aspirasi unggul dalam menjadikan Pulau Pinang sebagai sebuah bandar kesihatan ulung di negara ini," ujar beliau.

## Bentang kajian JPS tangani banjir Jan. ini – Lip Chee

**JAWI -** Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) akan mengemukakan kajian serta cadangan menangani masalah banjir kilat di Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Jawi kepada Majlis Mesyuarat Kerajaan (MKK) paling awal hujung Januari ini.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Jawi, Soon Lip Chee berkata, Kerajaan Negeri pada Disember tahun lepas memperuntukkan RM7,000 kepada JPS untuk tujuan itu.

"Saya sedang mendapatkan maklum balas susulan, laporan JPS akan dibentangkan dalam MKK Januari ini," ujarnya semasa meninjau kawasan terbabit baru-baru ini.

Beliau berkata, laporan itu turut akan menyebut kos pemajuan projek cadangan itu untuk dipertimbang oleh Kerajaan Negeri.

Difahamkan, Kerajaan Negeri melalui Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) memperuntukkan RM2.7 juta untuk tujuan penyelenggara rumah pam, parit monsoon, kolam takungan dengan peruntukan wang caruman yang dipohon daripada Jawatankuasa Tebatan Banjir Kerajaan Negeri.



SOON Lip Chee (tengah) mendengar penjelasan daripada pegawai JPS (kanan sekali) sambil diperhati seorang penduduk setempat pada sesi tinjauan di sini baru-baru ini.

## Kanak-kanak terjatuh buai dapat perhatian Exco

Oleh: **ZAINULFAQAR YAACOB**

**GEORGE TOWN –** Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin mengambil inisiatif melawat kanak-kanak, Muhammad Khairul Naimmie Abu, 7, yang terjatuh dari buaian berpusing *Euro Wheel* dekat Tapak Pesta di sini baru-baru ini.

Bercakap pada satu sidang media di Hospital Besar Pulau Pinang di sini, Dr. Afif berkata, beliau berharap kanak-kanak berkenaan segera sembuh serta segera kembali ke sekolah.

"Buat masa ini, Muhammad Khairul Naimmie dalam keadaan stabil, tetapi, masih memerlukan sokongan serta rawatan rapi daripada pihak hospital.

"Saya berharap beliau segera sembuh dan boleh kembali ke sekolah," ujarnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seberang Jaya di sini baru-baru ini.

ADUN Bukit Tengah, Ong Chin Wen dalam satu reaksi lain turut bersimpati atas kemalangan yang menimpa Muhammad Khairul Naimmie.



DR. Afif Bahardin ketika mengadakan lawatan tertutup terhadap Muhammad Khairul Naimmie Abu di Hospital Besar Pulau Pinang di sini baru-baru ini.

Kira-kira jam 12.50 tengah malam hari kejadian, Muhammad Khairul Naimmie ditemui tidak sedarkan diri akibat terjatuh dari buaian berpusing setinggi 30 meter.

Ekoran itu, bapanya yang juga seorang peniaga di tapak pesta itu membuat laporan di Balai Polis Sungai Nibong di sini.

# KM harap Fiesta Santai Rakyat dekatkan KN, komuniti

**BUTTERWORTH** – Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng sendiri merasmikan penutupan Fiesta Santai Rakyat 2013 peringkat Daerah Seberang Perai Utara (SPU) di perkarangan Flat Jalan Mohd. Saad di sini baru-baru ini.

Beliau berharap penganjuran keraian masyarakat yang diadakan di kelima-lima daerah itu dapat mendekatkan rakyat dengan kepimpinan Kerajaan Negeri.

"Program ini diadakan di bawah MMK Jawatankuasa Perhubungan Kemasyarakatan yang dipengerusikan oleh Datuk Mohd. Rashid Hasnon (Timbalan Ketua Menteri I).

"Saya berharap pelbagai inisiatif yang diadakan sepanjang fiesta ini dapat mendekatkan pemimpin bersama rakyat," ujarnya yang juga Ahli Parlimen Bagan di depan lebih hampir 2,000 hadirin.

Exco Kebajikan, Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar, Phee Boon Poh, Lim Hock Seng (Exco Kerja Raya, Utiliti dan Pengangkutan), Sr. Rozali Mohamud (Setiausaha Majlis bagi Majlis Perbandaran Seberang Perai, MPSP) dan Saodah Nawawi (Pegawai Daerah SPU) turut hadir pada majlis tersebut.

Sebelum itu, Mohd. Rashid mengajak rakyat supaya menguatkan semangat keharmonian kaum serta menolak semangat asabiah yang sengaja ditajamkan oleh pihak tertentu belakangan ini.

"Prasangka sesama kaum yang dicetuskan oleh pihak tertentu sangat merugikan Pulau Pinang.

"Tetapi, toleransi sertai semangat harmoni dapat terus menguatkan jati diri rakyat untuk bersama-sama Kerajaan Negeri memajukan negeri ini," jelasnya.

Mohd. Rashid turut meminta pemimpin setempat, khususnya Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) supaya lebih kerap menganjurkan program-program yang boleh menyemarakkan lagi toleransi kaum.

Sepanjang fiesta itu, difahamkan pelbagai program diadakan untuk menghargai komuniti, khususnya golongan wanita dan kanak-kanak.

Pemeriksaan kesihatan percuma, sukan rakyat, pembuatan kraf tangan untuk wanita, bantuan persekolahan, cabutan bertuah dan kenduri rakyat merupakan antara program menarik.

Serentak dengan fiesta itu, turut diadakan majlis sumbangan RM1,000 kepada waris warga emas yang meninggal dunia serta majlis pameran perdana oleh beberapa agensi kerajaan.




**MOHD. Rashid Hasnon (depan, kanan sekali) merakam gambar kenangan bersama-sama beberapa pemenang cilik pada penganjuran Fiesta Santai Rakyat 2013 di sini baru-baru ini.**

## Segera beli rumah sebelum GST 2015 - Jagdeep

Oleh: **ZAINULFAQAR YAACOB**

**GEORGE TOWN** – Rakyat Pulau Pinang dinasihatkan supaya segera membeli rumah mampu milik untuk kegunaan sebenar, sebelum pelaksanaan cukai barangan dan perkhidmatan (GST) sehingga kadar enam peratus yang dijangka bermula pada tahun 2015 nanti.



**PARA pengunjung memerhatikan model rumah yang dipamerkan dalam penganjuran PIP 2013 di sini baru-baru ini.**

Exco Perancangan Bandar & Desa dan Perumahan, Jagdeep Singh Deo berkata, mereka yang berminat turut boleh memohon pembelian 104 unit rumah kos rendah jenis *'town house'* di Taman Sungai Duri dekat Seberang Perai Selatan (SPS) berharga RM38,000, dengan pinjaman tanpa riba 30 peratus daripada Kerajaan Negeri.

Berdasarkan Bajet 2014 Pulau Pinang, jelas beliau, Kerajaan Negeri turut menawarkan skim sewa beli 51 unit rumah pangsapuri Taman Seruling Emas dekat SPS pada kadar bulanan RM100, tidak termasuk RM20 kos penyelenggaraan.

"Bagaimanapun, kita mesti tidak menjadi mangsa pada kemajuan (pembangunan hartanah) ini, dan dalam hal ini, Kerajaan Negeri telah membuat persediaan dengan menjadikan perumahan mampu milik sebagai keutamaan," ujarnya baru-baru ini di sini.

Jagdeep berkata demikian pada majlis perasmian Ekspo Hartanah Antarabangsa Pulau Pinang (PIP 2013).

Ahli Jawatankuasa Pusat FIABCI Malaysia, Michael Geh antara dif yang hadir pada ekspo tersebut.

Lebih 40 pemaju menyertai ekspo tersebut.

Sebelum itu, Pengerusi Penganjur PIP, Ong Ban Seang menjelaskan mengenai kesan Bajet 2014 terhadap masa depan hartanah di negeri berkenaan.

Menurut beliau, banyak bahan-bahan pembinaan dan perkhidmatan seperti yuran arkitek, pendawaian elektrik dan caj paip boleh terakru kadar enam peratus di bawah GST.

"Pemaju tidak akan menyerap (kos GST yang berkaitan), sebaliknya, (kos ini mungkin) akan dipindahkan kepada pembeli," nyata beliau.

## Nasib mangsa kemalangan dapat perhatian

Oleh: **NORSHAHIDA YUSOFF**



**LOO Yen Sent.**

**JELUTONG** – Pertubuhan Wanita Mutiara Pulau Pinang yang diwakili Presidennya, Betty Chew baru-baru ini menyerahkan sumbangan berjumlah RM20,000 kepada seorang mangsa kemalangan yang mengalami kecacatan kekal di sini.

Mangsa, Loo Yen Sent, 21, mengalami kecacatan kekal setelah terlibat dalam kemalangan pada awal tahun ini dan sebelum itu terlantar di hospital dalam tempoh enam bulan.

Betty berkata, Pertubuhan Wanita Mutiara terpanggil untuk membantu Yen Sent bagi membina hidup baru dengan menjalani pembedahan.

"Penderitaan yang dialami beliau (Yen Sent) amat menyentuh hati. Kami dapat rasakan perasaan beliau kini.

"Kecantikan adalah impian setiap wanita dan gadis, tambahan, untuk gadis sepertinya yang baru mencecah 21 tahun.

"Justeru, diharap dengan sumbangan ini akan memberi semangat dan motivasi untuk beliau meneruskan hidup seperti insan lain," ujarnya pada sesi penyerahan cek sumbangan baru-baru ini di sini.

Hadir sama, Exco Belia & Sukan, Pembangunan Wanita, Keluarga & Komuniti, Chong Eng dan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sungai Pinang, Lim Siew Khim.

Tambah Betty, sumbangan tersebut adalah sebagai langkah permulaan.

"Diharap lebih ramai orang awam tampil membantu beliau (Yen Sent) kerana kos pembedahan dijangkakan adalah sekitar RM100,000 sehingga RM200,000," ujarnya.

Dalam pada itu, Yen Sent yang ditemui berkata, beliau berharap sumbangan yang diterima dapat sedikit sebanyak membantu kos pembedahannya kelak.

# Tapak Warisan Dunia diwarta zon larangan merokok

Oleh: **NORSHAHIDA YUSOFF**

**GEORGE TOWN –** Zon Tapak Warisan Dunia di sini diwartakan sebagai kawasan larangan merokok berkuatkuasa 1 Januari lalu di bawah program Pulau Pinang Bebas Asap Rokok (PENBAR) di sini baru-baru ini.

Pengerusi Jawatankuasa PENBAR, Phee Boon Poh yang juga Exco Kebajikan, Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar berkata, walaupun PENBAR telah mula dikuatkuasa, namun, ianya akan dilaksanakan secara berperingkat.

"Kita (Kerajaan Negeri) telah memulakan inisiatif ini sejak tahun 2009 di mana dalam tempoh hampir lima tahun pelbagai pendekatan digunakan hingga ke hari ini ia dikuatkuasakan.

"Sebelum dikuatkuasakan, pelbagai program kesedaran dan pendidikan telah dijalankan demi menyedarkan orang ramai.

"Malah, kita juga turut merayu agar para perokok melakukan perubahan dengan kehendak mereka sendiri tanpa ada sebarang paksaan," katanya pada satu sidang media di sini baru-baru ini.

Turut hadir, Exco Pertanian dan Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin dan Pengarah Jabatan Kesihatan Pulau Pinang, Datuk Dr. Lailanor Ibrahim.

Pada majlis sama, turut dilancarkan logo program PENBAR.

Tambah Boon Poh, pihaknya tidak menidakkan atau menafikan kehendak mana-mana individu untuk merokok, tetapi, mereka perlu menghormati orang sekeliling yang ingin mendapatkan suasana persekitaran sihat dan bebas asap rokok.

"Kita merayu kepada mereka yang ingin merokok supaya ke tempat lebih bersesuaian tanpa menggangu orang lain.

"Hormatilah insan lain," tegasnya.

Boon Poh memberitahu, ekoran pelaksanaan program berkenaan, hampir 50 senarai nama penguatkuasa Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) dan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) akan diserahkan kepada Kerajaan Persekutuan bagi mendapatkan persetujuan dan diberi kuasa bagi pelaksanaan PENBAR di kawasan telah digazetkan.

Sebelumnya, Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat Pulau Pinang telah mewartakan enam kawasan di negeri ini sebagai zon larangan merokok iaitu Taman Perbandaran di Jalan Utama, Taman Botani, kawasan Empangan Air Itam, kawasan Empangan Teluk Bahang, Taman Bandar Ampang Jajar dan kawasan Empangan Mengkuang di Bukit Mertajam.

Turut diwartakan adalah 207 buah masjid di seluruh negeri ini.




**PHEE Boon Poh (tiga dari kiri), Dr. Afif Bahardin (dua dari kanan) dan Dr. Lailanor Ibrahim (kanan sekali) melancarkan logo PENBAR pada majlis sidang media di sini baru-baru ini.**

## Program Keceriaan Bandar berterusan ke Jawi

Oleh: **AHMAD ADIL MUHAMAD**

**JAWI –** Program Keceriaan Bandar anjuran Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) dengan kerjasama syarikat Guppy Plastic Industries Sdn. Bhd. (Guppy) diteruskan dengan mensasarkan penyertaan premis-premis perniagaan di sekitar kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Jawi di sini baru-baru ini.

Program tanggungjawab sosial korporat (CSR) oleh Guppy tersebut telah dimulakan sejak bulan Mac 2012 bagi mengindah dan menceriakan kawasan-kawasan bandar di sekitar Seberang Perai.

Ahli DUNnya, Soon Lip Chee berkata, program tersebut diteruskan memandangkan sambutan daripada pemilik premis perniagaan di sini adalah amat menggalakkan.

"Atas permintaan banyak pihak, program keceriaan bandar ini diteruskan dan pada hari ini, MPSP bersama-sama Guppy akan menyerahkan pasu bunga beserta pokok kepada 150 buah premis lain.

"Diharapkan pemilik premis perniagaan berkenaan akan menjaga dengan baik pasu dan pokok yang disumbangkan dan menjadikan bandar Jawi lebih hijau dan indah," katanya pada Program Keceriaan Bandar di sini baru-baru ini.

Tambah Lip Chee, inisiatif yang diambil Guppy terbabit wajar dijadikan contoh syarikat-syarikat lain bagi membantu Kerajaan Negeri mencapai visinya.

Hadir sama, Pengurus Kanan Pentadbiran Guppy, Rohani Basiri dan dua ahli majlis MPSP, H'ng Mooi Lye dan Loh Joo Huat.

Menurut Rohani, pihak Guppy telah menyediakan 230 pasu bunga yang dihasilkan daripada bahan kitar semula untuk diedarkan di sekitar Jawi sebagai langkah berterusan menjaga kehijauan di sini.

"Pihak Guppy akan bersama-sama MPSP memantau pasu dan pokok yang disumbangkan dari semasa ke semasa bagi memastikan matlamat keceriaan dapat dicapai.

"Sekiranya terdapat kerosakan pada pasu dan pokok, pihak Guppy akan menggantikannya dengan yang baru dan berharap pemilik premis dapat menjaganya dengan baik," seru beliau.

Rohani menambah, program berkenaan akan diteruskan pada masa akan datang dan pihak Guppy sentiasa menyokong penuh usaha Kerajaan Negeri dalam menjaga alam sekitar di negeri ini.

Sehingga kini, Guppy telah mengedarkan sebanyak 2,800 pasu beserta pokok termasuk kepada 86 buah sekolah di bawah Program Sekolah Hijau.



**SOON Lip Chee (kanan sekali) menunjukkan pokok-pokok bunga sambil diperhatikan Rohani Basiri (kiri sekali) kepada salah seorang pemilik premis pada Program Keceriaan Bandar di sini baru-baru ini.**



**BADRUL Hisham Shaharin (dua dari kiri) mengenakan pakaian seragam sekolah kepada salah seorang pelajar dalam Program Kembali Ke Sekolah Peringkat KADUN Sungai Acheh baru-baru ini.**

## 220 terima sumbangan 'Kembali Ke Sekolah'

Oleh: **ZAINULFAQAR YAACOB & AHMAD ADIL MUHAMAD**

**SUNGAI ACHEH –** Seramai 220 pelajar terpilih menerima pelbagai jenis sumbangan sempena Program Kembali Ke Sekolah peringkat Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Sungai Acheh baru-baru ini anjuran Solidariti Anak Muda Malaysia (SAMM).

Pengerusi SAMM, Badrul Hisham Shaharin berkata, beliau terdorong untuk terus berkhidmat di Sungai Acheh walaupun gagal merampas kerusi Dewan Undangan Negeri (ADUN) tersebut daripada pembangkang Pulau Pinang pada Pilihan Raya Umum Ke-13, 8 Mei lepas.

"Tuhan telah takdirkan bahawa kita tidak ada rezeki, tetapi, untuk saya tinggalkan Sungai Acheh begitu sahaja, tidak sama sekali.

"Oleh itu, setiap bulan, saya akan ke sini untuk membincangkan mengenai apa yang boleh kita buat untuk rakyat," ujarnya pada program berkenaan di sini baru-baru ini.

Pagawai Daerah Seberang Perai Selatan (SPS), Rohani Hassan dan Mohammad Razak (Pegawai Penyeleras KADUN Sungai Acheh) turut hadir dalam majlis itu.

Menurut Badrul Hisham yang lebih dikenali sebagai 'CheguBard', Rohani dan Mohammad banyak membantu pihaknya dalam menguruskan keperluan kominiti di KADUN tersebut.

Dalam program itu, Badrul Hisham menyampaikan sumbangan berupa yuran persekolahan kepada pelajar-pelajar terpilih, selain memberi baju seragam sekolah dan hamper.

Serentak dengan Program Kembali Ke Sekolah, Badrul Hisham berkata, pertandingan gubahan bunga untuk wanita serta mewarna turut diadakan bagi menghargai komuniti setempat.

Tidak cukup dengan itu, beliau memberitahu, perkhidmatan gunting rambut secara percuma turut diadakan untuk 100 pelajar lelaki terawal pada majlis tersebut.

# Pulau Pinang Negeri Dengan Kos Hidup Paling Tinggi?

Oleh: **HARIS ZUAN**

**SEBUAH** portal berita popular negara ini, melalui laporan khasnya menyatakan bahawa Pulau Pinang (merujuk kepada bahagian pulau) merupakan bandar raya paling tinggi kos hidup berbanding dengan bandar raya lain di negara ini termasuk Kuala Lumpur. Pernyataan ini pada penulis tidak menggambarkan situasi keseluruhan Pulau Pinang serta bandar raya lainnya.

Benar, kos hidup semakin meningkat di Pulau Pinang, sebagaimana juga berlaku di semua bandar raya di negara ini – Lembah Klang, Johor Bahru, Ipoh dan lain-lainnya. Kita semua maklum bahawa Malaysia kini mengalami proses urbanisasi (perbandaran) yang sangat pesat dengan 71% penduduk Malaysia (berdasarkan bancian 2010) merupakan warga kota berbanding hanya 34.2% pada tahun 1980. Malah, Pulau Pinang telah mencecah 90.8% kadar urbanisasi, hanya ketinggalan sedikit dengan Selangor yang mencatat 91.4% pada tahun 2010.

Statistik yang diberikan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia ini menunjukkan bahawa dalam 30 tahun terakhir ini Malaysia mengalami proses perbandaran yang sangat pesat. Namun, seperti yang kita semua maklum banyak harapan *(expectations)* warga kota ini gagal dipenuhi oleh kerajaan sedia ada – penjelasan mengapa parti pemerintah kerajaan Persekutuan kalah teruk hampir di kesemua kota di negara ini termasuk hilang dua negeri paling urbanise di negara ini.

Bandar raya utama negara ini mengalami kegagalan infrastruktur yang nyata, apa gunanya mempunyai rangkaian lebuh raya yang canggih dan bertingkat jika masih gagal untuk menggerakkan warga kota dengan cekap? 30 tahun terakhir ini juga menunjukkan kemerosotan kualiti pengangkutan awam di negara ini apabila perkhidmatan ini semakin dipusatkan kepada Putrajaya.

**Pulau Pinang Berbanding Bandar Raya Lain?**

Ya, penjelasan di atas tidak menjadikan Pulau Pinang lebih

Serambi PENANG INSTITUTE
making ideas work

baik daripada bandar raya lain tetapi sekadar memberikan gambaran besar situasi kota-kota utama negara ini. Terdapat dua faktor utama yang menjadikan kehidupan kota semakin menjerut di negara ini. Pertamanya adalah kos kediaman. Memiliki rumah menjadi isu yang sangat besar di negara ini, khasnya di kota-kota di mana harga hartanah sangat mahal – apatah lagi di sebuah pulau.

Kos rumah melambung tinggi bukan kerana permintaan sebenar tetapi unsur spekulatif yang menjadikan hartanah termasuk rumah kediaman sebagai perlaburan. Malangnya Malaysia tidak mempunyai undang-undang yang benar-benar berkesan untuk mengawal perkara ini, termasuk daripada pembeli bukan warga Malaysia. Bukan lagi rahsia bahawa banyak hartanah sederhana dan mewah di bandar raya negara ini termasuk di Johor Bahru, Kuala Lumpur, Ipoh dan Pulau Pinang dimiliki oleh warga asing – bukan salah tetapi jika tiada kawalan, pastinya kos untuk memiliki rumah dalam kalangan warga kota semakin tinggi.

Oleh yang demikian, Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah mencadangkan agar levi 3% harga penjualan ke atas semua transaksi hartanah oleh warganegara atau syarikat asing mulai 1 Februari 2014 dilaksanakan. Tindakan ini bagi mengawal amalan pembelian hartanah oleh warga asing.

Dalam tempoh lima tahun terakhir ini, oleh kerana kemasukan pelaburan langsung asing (FDI) yang sangat membanggakan, rekod tertinggi dalam sejarah negeri, harga hartanah turut meningkat, termasuk rumah kediaman. Kerajaan Negeri yang peka akan situasi ini pada Jun 2013 yang lalu telah mengumumkan penubuhan Jawatankuasa Pembersihan dan Peningkatan Mutu Pemilihan Perumahan (*Selection Process Enhances Committees* (SPECS) dengan tujuan memastikan pemberian dan pengagihan rumah dibuat secara adil dan telus serta kepada golongan tidak berada yang perlukannya dengan diaudit bersama oleh sebuah syarikat perakaunan. Ini adalah kali pertama dalam sejarah Malaysia sebuah syarikat perakaunan akan dilantik untuk tujuan sedemikian.

Kerajaan Negeri juga melalui Belanjawan Negeri yang dibentangkan baru-baru ini telah mencadangkan pindaan Dasar Penjualan Rumah Kos Rendah/Kos Sederhana Rendah di negeri ini bagi permohonan penjualan dan pindah milik. Dasar rumah kerajaan tidak boleh dijual dalam tempoh 10 tahun daripada tarikh surat perjanjian jual beli akan dikekalkan tetapi bagi rumah yang dibina oleh pihak swasta tempoh had larangan dijual akan dilanjutkan daripada 5 tahun sekarang kepada tempoh 10 tahun, sama seperti rumah kerajaan. Malah, bagi memastikan penjualan dalam tempoh 10 tahun adalah kepada golongan yang perlukannya maka ia hanya boleh dijual kepada pembeli tersenarai *(listed buyer)* yang disahkan oleh Bahagian Perumahan Kerajaan Negeri sebagai layak memiliki Rumah Kos Sederhana Rendah atau Rumah Kos Rendah. Dengan kata lain penjualan tidak boleh dijalankan dalam pasaran terbuka tetapi hanya dengan pembeli tersenarai.

Harga jualan semula tidak akan ditetapkan oleh Kerajaan Negeri tetapi adalah berasaskan prinsip *'willing buyer – willing seller'* dan boleh melebihi harga jualan asal antara kedua-dua penjual dan pembeli tersenarai. Langkah ini diharap akan mengurangkan unsur spekulatif dalam sektor perumahan.

Malah, buat pertama kalinya dalam sejarah, sebuah kerajaan negeri menyediakan dana khas berjumlah RM500 juta bagi membiayai pembinaan 20,000 unit perumahan mampu milik di seluruh negeri Pulau Pinang. Dana ini akan ditambah daripada masa ke semasa. Ya, kita masih memerlukan masa untuk semua inisiatif ini berjalan dan menunjukkan hasilnya.


HARIS Zuan.

**Pengangkutan dan Kos Hidup**

Faktor kedua yang sering menghantui warga kota adalah kos dan kecekapan lalu lintas di bandar. Berbanding dengan bandar raya lain, jumlah tol di Pulau Pinang relatifnya masih rendah dan warga kota di negeri ini menikmati kadar istimewa bagi menggunakan Jambatan Pulau Pinang. Malah, di dalam pulau, tidak terdapat satu tol pun. Namun, adalah tidak benar untuk menafikan fakta bahawa pengangkutan awam di negeri ini masih jauh daripada memuaskan.

Kebanyakan warga Pulau Pinang bergantung kepada kenderaan persendirian – motosikal dan kereta – untuk bergerak dan hanya 4% warga kota ini yang menggunakan pengangkutan awam, angka yang terlalu jauh daripada sasaran, 40%. Malangnya, hampir keseluruhan perkhidmatan pengangkutan awam di negara ini diletakkan di bawah Jabatan Perdana Menteri, tidak banyak yang dapat dilaksanakan di peringkat kerajaan negeri. Pemusatan perkhidmatan ini telah menjadikan pengangkutan awam di semua kota negara ini amat tidak cekap.

Pengangkutan awam mempunyai hubungan signifikan dengan kos hidup masyarakat kota kerana hampir 25% hingga 40% daripada gaji bulanan kebanyakan isi rumah diperuntukkan untuk membayar ansuran bulanan kenderaan. Dengan menjadikan kenderaan persendirian sebagai sekadar pilihan bukan kewajiban sebagaimana kini, setiap isi rumah secara kasarnya mempunyai antara RM 400 hingga RM1000 untuk digunakan pada keperluan lain – pendidikan dan kesihatan umpamanya.

Oleh yang demikian kerajaan negeri memandang serius kepentingan pengangkutan awam yang cekap. Maka, pada 25 Mac 2013, kerajaan negeri telah melancarkan Pelan Induk Pengangkutan (PIP) Negeri Pulau Pinang. Kerajaan Negeri akan mengkaji melaksanakan satu sistem jaringan TRAM dan sistem jaringan Light Rail Transit (LRT) atau Transit Aliran Ringan sepertimana yang telah dicadangkan dalam PIP. Kerajaan Negeri telah menulis surat kepada Kerajaan Persekutuan meminta janji mantan Perdana Menteri dan YAB Perdana Menteri sejak 2007 untuk membina dan membiayai sistem monorel ditunaikan. Sekiranya janji ini adalah janji kosong maka Kerajaan Negeri meminta Kerajaan Persekutuan menyerahkan kuasa pengendalian demi membolehkan Kerajaan Negeri menjalankan operasi dengan kuasa sepenuhnya kepada sistem pengangkutan *"tram"* bersama dengan pihak swasta.

Jelas, sebagai sebuah kota yang diiktiraf oleh ECA International sebagai kota paling sesuai didiami atau *the most liveable city* di Malaysia pada tahun 2012 dan ke-8 di Asia (Kuala Lumpur di tangga 10 pada tahun yang sama), Pulau Pinang sudah tentu akan terus berusaha untuk menjadikan kota ini bukan sahaja mesra pelabur tetapi yang lebih penting mesra orang ramai.

**Penulis merupakan Pegawai Eksekutif *Penang Institute.***

| Nama ADUN | No Tel/ No Faks |
|---|---|
| **AIR PUTIH**<br>YAB Tuan Lim Guan Eng<br>limguaneng@penang.gov.my | (T) 04 - 829 0614 |
| **PANTAI JEREJAK**<br>YB Haji Mohd. Rashid Hasnon<br>rashid.hasnon@penang.gov.my | (T) 04 - 646 4700 |
| **PERAI**<br>YB Prof. Dr. P. Ramasamy<br>ramasamy@penang.gov.my | (T) 04 - 399 6689 |
| **PADANG KOTA**<br>YB Chow Kon Yeow<br>chowkonyeow@penang.gov.my | (T) 04 - 226 0218<br>(F) 04 - 226 0218 |
| **BATU MAUNG**<br>YB Datuk Abdul Malik Abul Kassim<br>abdmalik@penang.gov.my | (T) 04 - 626 1968<br>(F) 04 - 626 5496 |
| **BAGAN JERMAL**<br>YB Lim Hock Seng<br>limhockseng@penang.gov.my | (T) 04 - 331 7175<br>(F) 04 - 331 7175 |
| **BATU LANCHANG**<br>YB Law Heng Kiang<br>lawhengkiang@penang.gov.my | (T) 04 - 282 6419<br>(F) 04 - 282 6419 |
| **SUNGAI PUYU**<br>YB Phee Boon Poh<br>pheeboonpoh@penang.gov.my;<br>pheeboonpoh@yahoo.com | (T) 04 - 262 0860<br>012 - 480 5495<br>(F) 04 - 261 8745 |
| **PADANG LALANG**<br>YB Chong Eng<br>chong.eng@penang.gov.my | (T) 04 - 530 3028 |
| **DATO' KERAMAT**<br>YB Jagdeep Singh DEO<br>jagdeepsinghdeo@penang.gov.my | (T) 04 - 226 2464<br>(F) 04 - 227 2464 |
| **SEBERANG JAYA**<br>YB Dr. Afif Bahardin | (T) 04 - 390 5109 |
| **BUKIT TAMBUN**<br>YB Law Choo Kiang<br>lawchookiang@penang.gov.my | (T) 04 - 588 0818<br>(F) 04 - 588 0885 |
| **AIR ITAM**<br>YB Wong Hon Wai<br>wonghonwai@penang.gov.my | (T) 04 - 828 0926<br>(F) 04 - 828 0926 |
| **BERAPIT**<br>YB Ong Kok Fooi<br>ongkokfooi@penang.gov.my | (T) 04 - 530 8476 |
| **MACHANG BUBOK**<br>YB Lee Khai Loon<br>kllee78@gmail.com | (T) 013 - 399 0519<br>(F) 04 - 551 1442 |
| **TANJONG BUNGAH**<br>YB Teh Yee Cheu<br>dappenang.cagw.teh@gmail.com | (T) 04 - 899 9581 |
| **JAWI**<br>YB Soon Lip Chee<br>dunjawi@hotmail.com | (T) 04 - 594 1163<br>(F) 04 - 594 3163 |
| **PENGKALAN KOTA**<br>YB Lau Keng Ee<br>dappengkalankota@gmail.com | (T) 04 - 250 1521<br>04 - 250 1522<br>(F) 04 - 250 1523 |
| **BAGAN DALAM**<br>YB Tanasekharan a/l Autheraphy<br>atana@first.net.my | (T) 04 - 323 5870<br>(F) 04 - 323 5870 |
| **KEBUN BUNGA**<br>YB Cheah Kah Peng<br>kebunbunga24@gmail.com | (T) 04 - 826 5451<br>(F) 04 - 826 5451 |
| **SUNGAI BAKAP**<br>YB Hj. Maktar Hj. Shapee<br>adunan.dunsgbakap@yahoo.com | (T) 04 - 582 7549<br>(F) 04 - 582 8648 |
| **KOMTAR**<br>YB Teh Lai Heng<br>komtarN28@gmail.com | (T) 04 - 227 7068<br>(F) 04 - 227 7068 |
| **PAYA TERUBONG**<br>YB Yeoh Soo Hin<br>clementyeoh@hotmail.com | sedang dikemaskini |
| **PULAU TIKUS**<br>YB Yap Soo Huey<br>yapsoohueydap@gmail.com | (T) 04 - 226 5217<br>(F) 04 - 227 5217 |
| **PERMATANG PASIR**<br>YB Datuk Hj. Mohd. Salleh Man<br>adunptgpasir@gmail.com | (T) 04 - 398 4226<br>(F) 04 - 398 4226 |
| **BUKIT TENGAH**<br>YB Ong Chin Wen<br>pkrbkttengah@gmail.com | (T) 04 - 508 3977<br>(F) 04 - 508 3677 |
| **PENANTI**<br>YB Norlela Ariffin<br>norlela.ariffin@gmail.com | (T) 04 - 522 2916<br>(F) 04 - 521 2915 |
| **SUNGAI PINANG**<br>YB Lim Siew Khim<br>dapsungaipinang@hotmail.com | (T) 04 - 282 6630 |
| **BATU UBAN**<br>YB Dr. T. Jayabalan<br>drjayabalan@gmail.com | (T) 04 - 656 2605<br>(F) 04 - 656 0699 |
| **SERI DELIMA**<br>YB Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji<br>rsnrayer@gmail.com | (T) 04 - 659 5611<br>(F) 04 - 659 6611 |
| **DAP PENANG HQ**<br>dappg@streamyx.com | (T) 04 - 228 8482<br>04 - 227 1397<br>04 - 226 6482<br>(F) 04 - 228 8514 |

| NAMA ADUN | No Tel/ No Faks |
|---|---|
| **PENAGA**<br>YB Mohd. Zain Ahmad | (T) 04 - 351 5825 |
| **BERTAM**<br>YB Shariful Azhar Othman | (T) 012 - 411 4690<br>(F) 04 - 575 8670 |
| **PINANG TUNGGAL**<br>YB Datuk Haji Roslan Saidin | (T) 04 - 398 3555<br>(F) 04 - 397 3555 |
| **PERMATANG BERANGAN**<br>YB Omar Abd. Hamid | (T) 04-573 4630<br>(F) 04-573 4630 |
| **SUNGAI DUA**<br>YB Muhamad Yusoff Mohd. Noor | (T) 04 - 575 7454 |
| **TELOK AIR TAWAR**<br>YB Datuk Jahara Hamid<br>jahara.hamid@gmail.com | (T) 04 - 351 2873<br>(F) 04 - 351 4389 |
| **SUNGAI ACHEH**<br>YB Datuk Mahmud Zakaria<br>datomahmud@umpangroup.com.my | (T) 04 - 593 3100<br>(F) 04 - 593 9529 |
| **BAYAN LEPAS**<br>YB Nordin Ahmad | Sedang dikemaskini |
| **PULAU BETONG**<br>YB Muhamad Farid Saad | (T) 04 - 866 4202<br>(F) 04 - 866 4202 |
| **TELUK BAHANG**<br>YB Shah Haedan Ayoob | (T) 04 - 866 1760<br>(F) 04 - 866 1821 |

| PEGAWAI PENYELARAS KADUN | No Tel/ No Faks |
|---|---|
| **PENAGA**<br>Ridwan Osman<br>ridwan_wan48@yahoo.com | 013-499 5068 |
| **BERTAM**<br>Asrol Sani Abdul Razak<br>asrolsani2006@gmail.com | 013-580 6981 |
| **PINANG TUNGGAL**<br>Muhasdey Muhamad<br>hadiputra78@yahoo.com | 019-437 2887 |
| **PERMATANG BERANGAN**<br>Arshad Md. Salleh<br>arshad.salleh@yahoo.com | 019-510 2633 |
| **SUNGAI DUA**<br>Zahadi Mohd.<br>zahadi55@yahoo.com | 019-507 3828 |
| **TELOK AIR TAWAR**<br>Norhayati Jaafar<br>yatie7119@yahoo.com.my | 019-433 7119 |
| **SUNGAI ACHEH**<br>Mohammad Razak | 013-597 6478 |
| **BAYAN LEPAS**<br>Asnah Hashim<br>asnah45@hotmail.my | 019-472 6956 |
| **PULAU BETONG**<br>Hj. Mohd Tuah Ismail<br>tuahismail@yahoo.com | 019-570 9500 |
| **TELUK BAHANG**<br>Dato' Haji Abdul Halim Hussain<br>abdulhalimhussain@gmail.com | 019-480 9599 |

## Talian Kecemasan & Perkhidmatan Awam

| | |
|---|---|
| POLIS & AMBULANS | 999 |
| BOMBA | 994 |
| DIREKTORI TELEFON | 103 |
| OPERATOR ANTARABANGSA | 101 |
| PENYELAMAT | 991 |
| BIRO PENGADUAN AWAM | 04-263 6893 |
| SEKRETARIAT KERAJAAN NEGERI | 04-262 1957 |
| KASTAM | 04-262 2300 |
| IMIGRESEN | 04-250 3419 |
| INFORMASI PENERANGAN | 04-643 0373 |
| WCC (*Women's Centre for Change*) | 04-228 0342 |
| Pusat Perkhidmatan Wanita (Seberang) | 04-398 8340 |
| EPF | 04-226 1000 |
| SOCSO | 04-238 9888 |
| JPJ | 04-656 4131<br>04-398 8809 |
| JABATAN PENDAFTARAN | 04-226 5161 |
| PUSAT INFO PELANCONG | 04-261 4461 |
| KERETAPI BUKIT BENDERA | 04-828 8880 |
| FERI (GEORGETOWN) | 04-210 2363 |
| ( BUTTERWORTH) | 04-310 2377 |
| JAMBATAN PP | 04-398 7419 |
| STESEN KERETAPI BUTTERWORTH | 04-261 0290 |
| PERSATUAN PERLINDUNGAN KANAK-KANAK | 04-829 4046 |
| CAP | 04-829 9511 |
| BEFRIENDERS PENANG | 04-281 5161<br>04-281 1108 |
| JABATAN BURUH | 04-262 5536 |
| PERPUSTAKAAN PP | 04-229 8555 |

## PROGRAM PENGHARGAAN WARGA EMAS/OKU/IBU TUNGGAL/ PROGRAM ANAK EMAS/ PROGRAM RAKAN ANTI KEMISKINAN/ PROGRAM PELAJAR EMAS

| | | | |
|---|---|---|---|
| N1 | Penaga | 019 - 409 5922 | Shukri |
| N2 | Bertam | 019 - 593 3736 | Fatimah |
| N3 | Pinang Tunggal | 017 - 424 9371 | Tasrin |
| N4 | Permatang Berangan | 019 - 556 4664 | R.M. Reza |
| N5 | Sungai Dua | 013 - 595 6865 | Rosli Man |
| N6 | Telok Air Tawar | 019 - 433 7464 | Mat Zahir |
| N7 | Sungai Puyu | 012 - 480 5495 | Mr.Lee |
| N8 | Bagan Jermal | 013 - 449 0366 | Yeap Choon Keong |
| N9 | Bagan Dalam | 016 - 473 1963 | Gesan |
| N10 | Seberang Jaya | 04 - 390 5109 | Nor Hayati Mohd. Iskander |
| N11 | Permatang Pasir | 019 - 412 8442<br>013 - 595 6865 | Kamal<br>Rosli |
| N12 | Penanti | 04 - 522 2916 | Rodzi |
| N13 | Berapit | 016 - 401 3507<br>017 - 446 1817 | Mr.Lim<br>Yeoh Ee Yee |
| N14 | Machang Bubuk | 012 - 474 0964<br>012 - 473 0964 | Andrew Chin<br>Ikhwan |
| N15 | Padang Lalang | 017 - 552 8928<br>014 - 945 9786 | Chan<br>Lai |
| N16 | Perai | 04 - 399 6689 | Selvi |
| N17 | Bukit Tengah | 013 - 518 8735 | Lim Tuan Chun |
| N18 | Bukit Tambun | 016 - 404 9120<br>017 - 378 4448 | G.Dumany<br>Khor |
| N19 | Jawi | 017 - 408 4784<br>012 - 456 5018 | Abdul Halim<br>Mr. Khor |
| N20 | Sungai Bakap | 019 - 552 8689<br>012 - 542 4454 | Norjuliana<br>Hasbullah |
| N21 | Sungai Acheh | 012 - 679 4704 | Yaser |
| N22 | Tanjong Bungah | 016 - 465 0318 | Ranson |
| N23 | Air Putih | 04 - 829 0614 | Hong Kian Beng |
| N24 | Kebun Bunga | 012 - 493 3342 | Cheng Kok Eong |
| N25 | Pulau Tikus | 017 - 478 3237<br>017 - 956 3237 | Lingam<br>Quah |
| N26 | Padang Kota | 012 - 431 7015 | Johnny Chee |
| N27 | Pengkalan Kota | 012 - 401 1522 | Ch'ng Chin Keat |
| N28 | KOMTAR | 012 - 423 3227 | Benji Ang |
| N29 | Datok Keramat | 016 - 499 7274<br>04 - 226 2464 | Jaya Sangaran<br>Kalvindar |
| N30 | Sungai Pinang | 04 - 282 6630 | Shuen |
| N31 | Batu Lancang | 04 - 282 6419 | Karuna |
| N32 | Seri Delima | 019 - 4474362<br>012 - 5242549 | Mahen<br>James |
| N33 | Air Itam | 012 - 4730736<br>016 - 4940705 | Anne<br>Janet |
| N34 | Paya Terubong | 012 - 484 1963<br>019 - 444 1039 | Toon Hoon Lee<br>Sabapathee |
| N35 | Batu Uban | 016 - 480 0232<br>016 - 487 8602<br>016 - 444 3550 | Jalal<br>Khairul<br>Sathya |
| N36 | Pantai Jerejak | 04 - 646 4700 | Aliff / Shamsudin |
| N37 | Batu Maung | 012 - 504 4836 | Ziezullhakim |
| N38 | Bayan Lepas | 016 - 599 2918 | Saifullizan |
| N39 | Pulau Betong | 012 - 422 4935 | Zulkiflee |
| N40 | Telok Bahang | 017 - 413 5695 | Johan |

## SENARAI NAMA AHLI MAJLIS MPSP 2014

| Nama | Telefon |
|---|---|
| Mohd Shaipol Ismail (DAP) | 012 - 571 2250 |
| Chandrasekeran a/l S. Maniam (DAP)<br>chanderasekeran@mpsp.gov.my | 012 - 5619870 |
| Loh Joo Huat (DAP)<br>jhloh@mpsp.gov.my | 012 - 422 1133 |
| Tan Chong Hee (DAP) | 019 - 411 5598 |
| Tan Chee Teong (DAP) | 012 - 401 7718 |
| Michael Tan Cheong Heng (DAP) | 012 - 487 3101 |
| P. David Marshel (DAP) | 019 - 412 3397 |
| H'ng Mooi Lye (DAP) | 012 - 425 2602 |
| M.Satees (DAP) | 016 - 438 4767 |
| Chong Pei Pei (DAP) | 012 - 476 7729 |
| Ong Eu Leong (PKR) | 010 - 770 0508 |
| Rezal Huzairi Md Zaki (PKR) | 017 - 409 7702 |
| Abdul Jalil Che Ros (PKR) | 013 - 489 3227 |
| Shafiqah Shobha Abdullah (PKR) | 016 - 496 1659 |
| Rajasegar a/l Govindasamy (PKR) | 019 - 411 7051 |
| Zulkifli Ibrahim (PKR) | 018 - 576 1622 |
| Zulkiefly Saad (PKR) | 013 - 436 2848 |
| Mohd Rizal Abd Hamid (PKR) | 012 - 424 3878 |
| Ho Leng Hong (PKR) | 017 - 487 2767 |
| Omar Hassan (PAS) | 019 - 571 8031 |
| Ahmad Kaswan Kassim (PAS)<br>ahmadkaswan@mpsp.gov.my | 019 - 408 4899 |
| Wong Chee Keet (NGO) | 012 - 451 1312 |
| Dr. Tiun Ling Ta (NGO)<br>lttiun@mpsp.gov.my | 04-508 0039 (Tel)<br>04-657 0918 (Fax) |
| Ahmad Tarmizi Abdullah (NGO) | 013 - 414 4822 |

## SENARAI NAMA AHLI MAJLIS MPPP 2014

| Nama | Telefon |
|---|---|
| Tan Hooi Peng (DAP) | 012 - 498 6212 |
| Harvindar a/l Darshan Singh (DAP) | 012 - 428 2250 |
| Ong Ah Teong (DAP) | 012 - 410 6566 |
| Tay Leong Seng (DAP) | 019 - 321 9392 |
| Gooi Seong Kin (DAP) | 016 - 457 1271 |
| Sukumar a/l Subramaniam (DAP) | 019 - 442 2113 |
| Joseph Ng Soon Siang (DAP) | 012 - 423 9143 |
| Tan Kim Hooi (DAP) | 016 - 438 7855 |
| Lee Chun Kit (DAP) | 012 - 519 2152 |
| Mohd Hariszuan Jaharudin (DAP) | 013 - 379 6019 |
| Francis a/l Joseph (PKR) | 012 - 474 3321 |
| Muhammad Sabri Md. Osman (PKR) | 013 - 432 0207 |
| Ahmad Azrizal Tahir (PKR) | 019 - 541 4818<br>012 - 498 4556 |
| Kumaresan a/l Arumugam (PKR) | 014 - 945 9621 |
| Tan Chiew Choon (PKR) | 019 - 470 4499 |
| Muhammad Bakhtiar Wan Chik (PKR) | 019 - 470 8811 |
| Lim Boon Beng (PKR) | 012 - 564 4400 |
| Nur Zarina Zakaria (PKR) | 011 - 1578 5098 |
| Iszuree Ibrahim (PAS) | 016 - 443 3205 |
| Mhd Nasir Yahya (PAS) | 019 - 432 9840 |
| Dr. Lim Mah Hui(NGO) | 012 - 422 1880 |
| Eric Lim Seng Keat (NGO) | 016 - 414 3428 |
| Aidi Akhbal Mohd Zainon (NGO) | 012 - 464 3004 |
| Mohd Foaz Hamid (NGO) | 016 - 422 2225 |

**SIDANG REDAKSI BULETIN MUTIARA**

**Penulis:**
YAP LEE YING
AINUL WARDAH SOHILLI
ZAINULFAQAR YAACOB
NORSHAHIDA YUSOFF
WATAWA NATAF ZULKIFLI

**Jurugambar/Juruvideo:**
CHAN LILIAN
LAW SUUN TING
ALISSALA THIAN
AHMAD ADIL MUHAMAD
MARK JAMES

**Jurugrafik:**
LOO MEI FERN
IDZHAM AHMAD

sertai kami melalui "***sms blast***",
taip "***ADD ME***" 019 357 9726

Bagi sebarang maklum balas, sila hantar ke:

**Editor BULETIN MUTIARA,**
Tingkat 47, Komtar,
10503 Pulau Pinang.
Emel: buletinmutiara.bpkn@gmail.com

Talian Pejabat
04 - 650 5561, 04 - 650 5559,
04 - 650 5705, 04-650 5375, 04 - 650 5256

## Kalendar Pelancongan Pulau Pinang Januari 2014




17hb - 19hb Januari
***EKSPO HALAL Antarabangsa Ke-5***
**SPICE ARENA**




18hb Januari
***Halal Conference 2014***
***Hotel Eastin, Pulau Pinang***






AKSI menarik tarian singa pada Pesta Chingay, *Lion & Dragon Dance Parade.*





▲ PARA hadirin mengenakan kostum tradisional pada sambutan *The Birthday of the H.M Emperor of Japan.*



PERTANDINGAN Bina Badan merupakan salah satu acara paling menarik perhatian umum pada penganjuran *Penang Beach Sport Carnival 2013.*



▲ PENGUNJUNG mengambil peluang bergambar kenangan dengan seorang badut pada Majlis Sambutan Rumah Terbuka Krismas Peringkat Negeri Pulau Pinang.



AHLI-ahli Majlis MPSP Sesi 2013 bergambar kenangan selepas selesainya Mesyuarat Penuh Majlis Ke-12/2013.



PARA pemain dan jurulatih PBAPP FC semangat dan ceria pada majlis sidang media pengumuman bersama Ketua Menteri bahawa pasukan tersebut bersdia untuk Liga Perdana 2014.




PARA peserta Kejohanan Karate Feskom ceria bergambar kenangan selepas selesainya pertandingan.





EXCO Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow (kanan sekali) menunjukkan alat meter parkir yang dimansuhkan penggunaannya bermula 1 Januari 2014.





SEBAHAGIAN gimik Majlis Rumah Terbuka Krismas Peringkat Kebangsaan di Padang Kota Lama.

# Wanita Pulau Pinang berdaya ubah bersama *Briged Wanita*

Oleh: **RAMLAH BEE, Penyelaras Briged Wanita Pulau Pinang Perbadanan Pembangunan Wanita Pulau Pinang (PWDC)**

PWDC Penang Women's Development Corporation

**KONSEP** pemberdayaan masyarakat merupakan proses masyarakat mengambil langkah inisiatif dan motor penggerak untuk mulai proses kegiatan sosial . Pemberdayaan berasal dari kata daya yang bermaksud memilik atau mempunyai daya. Terjemahan dalam Bahasa Inggeris pemberdayaan bermaksud *"empowerment"*. Penubuhan Briged Wanita oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah mengusahakan pemberdayaan wanita Pulau Pinang. Pemberdayaan Wanita Pulau Pinang bermaksud memilik kekuatan dan menjadi daya . Wanita melalui proses berdaya apabila menjalankan tugasan sebagai Briged Wanita dan berpartisipasi dalam peranan agen pembangunan wanita. Briged Wanita umpama motor penggerak dalam proses pembangunan wanita di negeri ini. Perumpanaan ini selaras dengan peranan mereka dalam membantu wanita mendaftar untuk semua skim bantuan kerajaan negeri ,meningkatkan kelompok keusahawanan wanita melalui PTSR yang akan memacu sosio ekonomi wanita dan meningkatkan kualiti kesihatan wanita melalui program *"MAMMO PENANG"* yakni pemeriksaan Mammogram Percuma.

PWDC selaku sekretariat Briged Wanita peringkat kerajaan negeri telah menjalankan 7 siri Kursus Induksi peringkat daerah dan pelbagai bahasa. Sambutan penyertaan dalam kursus ini jelas menunjukkan minat wanita tempatan sebagai agen ubah dan pemberdayaan wanita di negeri ini. Peningkatan ahli setiap bulan merupakan suatu petunjuk peningkatan pemberdayaan wanita di semua kawasan dalam negeri ini. Sehingga kini hampir 2000 orang telah menganggotai Briged Wanita dan telah bersedia untuk berkhidmat untuk pembangunan wanita. Setiap ahli akan dibekalkan dengan vest, kad keahliaan dan beg . Dengan itu , melalui peranan Briged Wanita diharap wanita menjadi cukup kuat untuk berpatisipasi , mempengaruhi pemikiran wanita, berketrampilan, pengetahuan, berkemampuan dan produktif dalam pembangunan untuk memampukan dan memandirikan masyarakat. Ianya ringkasan bagaimana wanita menolong masyarakat dan mampu menolong diri sendiri demi upaya pembangunan. Proses upaya haruslah terarah dan ditujukan langsung kepada yang memerlukan dalam program dirancang untuk mengatasi masalah kepada kumpulan sasaran. Oleh itu, organisasi Briged Wanita mempunyai misi dan objektif yang terancang serta mampu membawa wanita ke arah yang tepat dalam misi pembangunan wanita. Briged Wanita berdaya dalam usaha murni meningkatkan kemampuan masyarakat ,dalam merancang aktitiviti, melaksanakan misi dan objektif, mengelola dan dan bertanggungjawab untuk proses upaya peningkatan diri, wanita dan masyarakat.

Pada Bulan Januari tugasan utama Briged Wanita adalah membantu mendaftarkan wanita dalam Program Ibu Emas. Anggota Briged yang terlibat akan diberi cop rasmi oleh Unit Masyarakat Penyayang untuk mengesahkan status wanita berkelayakan dalam Borang Ibu Emas. Sasaran aktiviti ahli Briged akan menyebarkan maklumat program bantuan ini di kawasan masing – masing. Program Ibu Emas adalah bantuan tahunan RM 100 untuk surirumah tangga yang tiada berpendapatan kekal. Julung kalinya diadakan di peringkat negeri , bantuan Ibu Emas merupakan pengiktirafan mulia terhadap peranan wanita sebagai surirumahtangga yang memberi sumbangan utama dalam pembangunan keluarga.

Pada 9hb Mac 2014 , anggota Briged Wanita akan menyertai perarakan dalam Sambutan Hari Wanita Sedunia dengan tema Hentikan Keganasaan Terhadap Wanita anjuran Yang Berhormat Puan Chong Eng , Exco Belia dan Sukan, Pembangunan Wanita , Keluarga dan Komuniti dengan kerjasama JCI Pearl dan agensi berkaitan serta penyumbang yang lain. Perarakan yang julung kali akan diadakan akan melambangkan kekuatan organisasi wanita di peringkat negeri.

Disamping itu , pelbagai aktiviti wanita di peringkat kadun diadakan oleh anggota Briged Wanita termasuk aktiviti sukan seperti pertandingan Bola Jaring, perayaan dan sebagainya. Dengan pelbagai aktiviti menarik dan jadilah sebagai agen ubah dan berdaya , diharap anda yang belum menjadi ahli sila daftar segera sebagai Briged Wanita di pejabat Kadun/Penyelaras Kadun/ Parlimen. Bersama kita berpatisipasi demi pembangunan wanita di negeri ini. Anda mampu berdaya dan ubah serta berpatisipasi sebagai motor penggerak dengan tujuan yang tepat untuk masyarakat ini.


YAB Ketua Menteri menyampaikan bantuan Kerajaan Negeri kepada salah seorang ibu tunggal.


PASUKAN bola jaring Briged Wanita Teluk Bahang.



PARA peserta Kursus Induksi Briged Wanita Seberang Perai Tengah.

# Taman tema terapung cipta sejarah di P. Pinang

Oleh: **WATAWA NATAF ZULKIFLI**

**TANJUNG BUNGAH –** Pulau Pinang mencipta sejarah sendiri apabila menjadi negeri pertama di Malaysia dan Asia membuka taman tema air konsep terapung, *Wet World Wild Adventure Park* (WWW) di Pantai Moonlight, Batu Feringghi di sini baru-baru ini.

Taman tema yang mendapat sentuhan teknologi Jerman tersebut membawa fenomena baru dalam industri pelancongan negara berasaskan konsepnya sebagai taman terapung di atas laut.

Malah, setiap pengunjung turut diwajibkan memakai jaket keselamatan sepanjang berada di taman tema berkenaan.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata, kewujudan WWW merupakan satu perkembangan positif dalam industri pelancongan tempatan yang dapat dilihat sebelum dan selepas 2008.

"Sebelum 2008, kita (Pulau Pinang) tiada langsung taman tema, tetapi hari ini, kita (Pulau Pinang) sudah mempunyai dua taman tema utama iaitu Taman Tema Escape *(Escape)* di Teluk Bahang dan WWW (Batu Feringghi).

"Paling penting adalah hasil kerja keras antara Theme Park Concepts and Services Sdn. Bhd. dengan Kerajaan Negeri selama berbulan-bulan adalah berbaloi apabila WWW siap seperti hari ini," ucapnya pada Majlis Perasmian WWW di sini baru-baru ini.

Sebagai taman tema, WWW amat menitikberatkan beberapa langkah keselamatan penting bagi meminimumkan risiko seperti menyediakan penyelamat dalam zon permainan, penutupan taman tema sekiranya cuaca buruk, jambatan untuk memasuki kawasan permainan, pasukan pertolongan keselamatan *jet ski*, peti pertolongan cemas dan rawatan awal serta jaring bagi menghalang kemasukan obor-obor ke lokasi permainan.



SEKUMPULAN pengunjung menunjukkan aksi ceria pada Majlis Perasmian WWW di sini baru-baru ini.



KONSEP terapung WWW amat unik dan menjanjikan pelbagai keseronokan.

Kini, WWW hanya memasuki fasa satu, keseronokan taman tema berkenaan akan ditambahbaik dari semasa ke semasa.

Tambah Guan Eng, kemasukan pelancong asing seramai 26 juta ke Malaysia pada 2012 seharusnya dimanfaatkan sepenuhnya.

"Sekarang Pulau Pinang berada di tempat ketiga daripada jumlah besar itu dengan kehadiran 6.09 juta pelancong ke negeri ini pada tempoh berkenaan.

"Diharap setelah adanya WWW, ia dapat menarik lebih ramai pelancong untuk datang ke sini (Pulau Pinang)," ujar beliau.

Tiket masuk adalah RM40 kepada orang dewasa dan kanak-kanak (RM30). Waktu operasi adalah dari jam 9 pagi hingga 7 petang setiap hari.

## TABUNG AMANAH PINJAMAN PENUNTUT NEGERI PULAU PINANG

**Pejabat Setiausaha Kerajaan, Paras 25, KOMTAR, 10503 Pulau Pinang Tel : 04-6505165 / 6505391 / 6505627 Fax : 04-2613453**

**Layarilah Laman Web : http://www.penang.gov.my**

**Pentadbiran ini dalam usaha mengesan semula peminjam dan penjamin mengikut senarai di bawah. Dipohon penama tersebut menghubungi pihak pentadbiran bagi tujuan pembayaran dengan kadar segera sebelum diambil tindakan selanjutnya. Orang ramai juga boleh tampil untuk memberi maklumat mengenai penama yang berkenaan.**

**(Sila abaikan notis ini jika pembayaran telah dibuat)**

| | |
|---|---|
| No Akaun | : 9500 |
| Peminjam | : NURUL HUSNA BINTI SUHAIMI - 840912075788<br>NO. 7 JALAN PANTAI JERJAK 10, SUNGAI NIBONG, BAYAN LEPAS 11900 PULAU PINANG |
| Penjamin 1 | : SUHAIMI BIN ABD WAHAB - 600925075549<br>NO. 7 JALAN PANTAI JERJAK 10, SUNGAI NIBONG, BAYAN LEPAS<br>11900 PULAU PINANG |
| Penjamin 2 | : SALINA BINTI ABD WAHAB - 670318075014<br>5-7-7 PRIMA VIEW APARTMENT, LEBUH NIPAH 2, SUNGAI NIBONG 11900 PULAU PINANG |

| | |
|---|---|
| No Akaun | : 9502 |
| Peminjam | : SHAMSURIA BINTI SHAMAS - 830828075196<br>NO. 16 BLOK A, MUKIM 12, SUNGAI NIBONG BESAR 11900 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG |
| Penjamin 1 | : SALMAH BINTI AWANG - 630118025016<br>16 BLOK A MUKIM 12 , SUNGAI NIBONG BESAR 11900 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG |
| Penjamin 2 | : JAAFAR BIN MAT - RF/T9712<br>CAWANGAN BEKALAN , IBUPEJABAT POLIS KONTINJEN 10760 PULAU PINANG |

| | |
|---|---|
| No Akaun | : 9505 |
| Peminjam | : ANWAR HARUN BIN ABDULLAH MUNIR - 820519075337<br>98-8-12 PANGSAPURI SINAR , BUKIT DUMBAR, JALAN FARADAY 11600 JELUTONG, PULAU PINANG |
| Penjamin 1 | : MOHD NAWAS BIN ABDUL RAHMAN - 571201026055<br>NO.3-12-6 MEDAN TENGKU<br>11600 JELUTONG, PULAU PINANG |
| Penjamin 2 | : ANWAR IBRAHIM BIN ABDULLAH MUNIR - 780823075573<br>98-08-12 APT. SINAR BUKIT DUMBAR, JALAN FARADAY, JELUTONG 11600 PULAU PINANG |

| | |
|---|---|
| No Akaun | : 9513 |
| Peminjam | : ZAITUN BINTI ABDUL SAMAD - 840409075342<br>1-3-12 KUARTERS POLIS, TAMAN DESA TASEK<br>57000 SUNGAI BESI, KUALA LUMPUR |
| Penjamin 1 | : NORAZLINA BINTI MOHD ALI - 751007085754<br>1138 JALAN PERMATANG SUNGAI DUA<br>13800 BUTTERWORTH |
| Penjamin 2 | : SUHAIMI BIN ABD HAMID - 740324075441<br>B-1-2 FLAT UDA FASA 1,<br>TANJONG TOKONG 10470 PULAU PINANG |

| | |
|---|---|
| No Akaun | : 9517 |
| Peminjam | : LOW CHEAN WEI - 810516075121<br>NO.16 JALAN WAJA, TAMAN KIJANG<br>14000 BUKIT MERTAJAM |
| Penjamin 1 | : SIM CHUN ENG - 750904025407<br>NO. 16 JALAN WAJA , TAMAN KIJANG<br>14000 BUKIT MERTAJAM |
| Penjamin 2 | : LOW GAU - 491007086003<br>2 LORONG SEJAHTERA 22, TAMAN INDUSTRI, CHEROK TOK KUN 14000 BUKIT MERTAJAM |

| | |
|---|---|
| No Akaun | : 9525 |
| Peminjam | : INTAN NORAFZAN BINTI MD SAID - 830210075602<br>NO. 123 JALAN PERMAI, TAMAN BROWN<br>11700 GELUGOR, PULAU PINANG |
| Penjamin 1 | : BIJAN BINTI ABDUL RAHIM - 590220107348<br>NO. 35 LINTANG PERMAI 2, TAMAN BROWN<br>11700 PULAU PINANG |
| Penjamin 2 | : YEW BEE SIM - 640227075652<br>NO. 52 LINTANG DELIMA 4, 11700 GELUGOR, PULAU PINANG |

| | |
|---|---|
| No Akaun | : 9527 |
| Peminjam | : SHAHIDA BINTI MAHAMAD SAAD - 840419075258<br>SEK. KEB. SEMARANG, PUSA 94950 BETONG, SARAWAK |
| Penjamin 1 | : SAKIRAH BINTI MAHAMAD SAAD - 720827075250<br>NO. 7878 POKOK TAMPANG 13300 TASEK GELUGOR, SEBERANG PERAI UTARA |
| Penjamin 2 | : ABD WAHAB BIN AYOB - T532301<br>NO. 7877 POKOK TAMPANG 13300<br>TASEK GELUGOR, SEBERANG PERAI UTARA |

| | |
|---|---|
| No Akaun | : 9532 |
| Peminjam | : LIM BOON PING - 840223075539<br>1866 JALAN BESAR, TAMAN MARKISAH<br>14100 SIMPANG EMPAT, SPS |
| Penjamin 1 | : SU YAH - 440423105373<br>23 LORONG MERAK 58, TAMAN TAMBUN JAYA 14000 BUKIT MERTAJAM |
| Penjamin 2 | : LIM KOK KHENG - 511117075263<br>28 LORONG SRI KIJANG 42 ,<br>TAMAN SRI KIJANG, ALMA<br>14000 BUKIT MERTAJAM |

| | |
|---|---|
| No Akaun | : 9542 |
| Peminjam | : SYED HAZZWARRI B SYED HAMZAH MUFAZZAL - 830925075761<br>NO. 64 LORONG MAHSURI 9, BAYAN BARU, BAYAN LEPAS 11950 PULAU PINANG |
| Penjamin 1 | : MOHAMAD RAIS BIN MUJI - 680429075681<br>BLOK J-14-5 TAMAN BUKIT JAMBUL<br>11900 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG |
| Penjamin 2 | : NOOR LIZA BINTI ZAKARIAH - 651111075494<br>NO. 246-1 SOLOK SUNGAI ARA 2,<br>KAMPUNG BARU, SUNGAI ARA<br>11900 PULAU PINANG |

| | |
|---|---|
| No Akaun | : 9546 |
| Peminjam | : MAIZATUL AKMAM BINTI AHMAD - 830416075448<br>NO.63 JALAN MAQBUL, SUNGAI PINANG<br>10150 GEORGETOWN, PULAU PINANG |
| Penjamin 1 | : AMIR HAZRIL SANY BIN AHMAD - 790315075015<br>NO.63 JALAN MAQBUL, SUNGAI PINANG<br>10150 PULAU PINANG |
| Penjamin 2 | : CHE AZNI BIN AZMI - 611029075229<br>PEJABAT POS NEGERI, BAHAGIAN KERANI KASTAM 10670 PULAU PINANG |

| | |
|---|---|
| No Akaun | : 9548 |
| Peminjam | : NG CHUEN HAW - 810813075427<br>11A LORONG RAJAWALI 2, TAMAN BERJAYA<br>14300 NIBONG TEBAL, SPS |
| Penjamin 1 | : TAN SAI CHOO - 560131075092<br>11A LORONG RAJAWALI 2, TAMAN BERJAYA<br>14300 NIBONG TEBAL, SPS |
| Penjamin 2 | : NG SUNG NEE - 771126076138<br>11A LORONG RAJAWALI 2, TAMAN BERJAYA<br>14300 NIBONG TEBAL, SPS |

| | |
|---|---|
| No Akaun | : 9551 |
| Peminjam | : NORAISYAH BINTI ISHAK - 830509075316<br>6269 PULAU MERTAJAM 13110 PENAGA, SPU |
| Penjamin 1 | : MOHD FAUZI BIN ISHAK - 711229075491<br>NO. 355 PULAU MERTAJAM 13110 PENAGA, SEBERANG PERAI UTARA |
| Penjamin 2 | : NOOR ADILASYILA BINTI BAHARIN - 731119075368<br>429 MUKIM 1, KUALA MUDA 13110 PENAGA, SEBERANG PERAI UTARA |

| | |
|---|---|
| No Akaun | : 9518 |
| Peminjam | : SITI NOORAFIFAH BT MOHD ZOLKEFPELI - 840115075072<br>NO. 53 SRI GOMBAK TOWNVILLA, OFF JALAN SG 8/11, TAMAN SRI GOMBAK<br>68100 BATU CAVES, SELANGOR |
| Penjamin 1 | : SITI NOORHISHAM BT SHEHABUDDIN - 581017075382<br>53 SERI GOMBAK TOWN VILLA, JALAN ST1, TAMAN SRI GOMBAK<br>68100 BATU CAVES, SELANGOR |
| Penjamin 2 | : MOHD ZOLKEFPELI BIN ABD RAHMAN - T/401587<br>53 SERI GOMBAK TOWN VILLA, JALAN ST1, TAMAN SRI GOMBAK<br>68100 BATU CAVES, SELANGOR |

| | |
|---|---|
| No Akaun | : 9558 |
| Peminjam | : OON KOCK TANG - 830401075701<br>NO.482 POKOK MACHANG 13300 TASEK GELUGOR, SPU |
| Penjamin 1 | : YAP KIM ET - 610926075507<br>NO.482 POKOK MACHANG 13300 TASEK GELUGOR, SEBERANG PERAI UTARA |
| Penjamin 2 | : YAP CHOOI AI - 700822075448<br>BG-14 KELISA APARTMENT, LORONG KIKIK 1,<br>TAMAN INDERAWASIH 13600 PERAI |

# Mee Segera MyKuali, bawa imej negeri

Oleh: **ZAINULFAQAR YAACOB**

**BUKIT TENGAH –** Makanan segera mee kari putih jenama MyKuali walaupun diperkenalkan pada Mei tahun lepas (2013), tetapi jualannya di seluruh negara telahpun mencecah 50,000 bungkus dengan catatan pulangan kasar kira-kira RM1.5 juta tiap-tiap bulan sehingga November tahun sama.

Perkembangan terbaru itu mendorong Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng melawat operasi kilang tersebut, Sky Thomas Food Industries Sdn. Bhd. di Kawasan Perindustrian Bukit Minyak di sini baru-baru ini.

"Bukan sahaja syarikat ini begitu muda, tetapi, diterajui oleh orang muda juga. Kerana itu, ia lebih cepat maju di pasaran antarabangsa daripada usianya," ujarnya selepas melawat operasi kilang baru itu.

Pengasas merangkap Pengurus Pemasaran Sky Thomas Food Industries Sdn. Bhd., Thomas Tang turut berucap pada majlis yang dihadiri hampir 100 tetamu.

Hadir sama, Ahli Parlimen Tanjong merangkap Setiausaha Politik bagi Ketua Menteri, Ng Wei Aik dan Ong Chin Wen (Ahli Dewan Undangan Negeri Bukit Tengah).

Menurut Guan Eng, mee kari putih sekian lama sudah menjadi sebahagian identiti Pulau Pinang.

Justeru, katanya lagi, jenama MyKuali yang berjaya menembusi Singapura, Taiwan, Hong Kong dan United Kingdom sekaligus akan membawa imej negeri ini.

Satu laporan dalam *Wall Street Journal* pada 20 Disember tahun lepas dipetik, Persatuan Mee Segera Dunia mendedahkan, permintaan pada makanan mee segera melebihi 100 juta mangkuk pada tahun lepas.

Dalam 42 negara yang disenaraikan sebegai pengeluar mee segera, China dan Hong Kong lebih ke depan, diikuti Indonesia dan Jepun. Manakala, Malaysia berada pada tangga ke-13.

Dalam satu kajian popular oleh bloger mee kari terkenal, Ramen berkata, mee kari putih Pulau Pinang jenama MyKuali berada pada tangga ketujuh dari 10 mee paling lazat dunia bagi tahun 2013.

Laporan sama yang dipetik turut menyebut bahawa MyKuali dijangka akan menembusi pasaran Eropah dan Amerika Syarikat pada tahun ini.

Pengulas mee Amarika Syarikat, Hans Lienesch pula dalam satu laporan lain pada bulan Ogos lepas memberi penarafan lima bintang pada kelazatan mee kari putih Pulau Pinang jenama MyKuali.

Sebelum itu, Thomas Tang berkata, 60 peratus produk MyKuali untuk pasaran domestik, manakala, selebihnya ke pasaran global.

"Bagaimanapun, kita giat memperluaskan pasaran tempatan bermula tahun ini (2014). Produk ini sudah boleh didapati di *Giant*, Gama, *Sunshine* dan gedung-gedung pasar raya lain.

"(Makanan mee segera) ini sebenarnya sudah biasa bagi pengguna. Tinggal lagi, kami berharap ia (MyKuali) ini akan mengambil tempat sebagai makanan segera untuk pekerja-pekerja Pulau Pinang di serata dunia," ujarnya.

Pada majlis itu, Thomas Tang turut melancarkan dua lagi produk makanan segera yang baru MyKuali, iaitu Mee Kari Undang Pulau Pinang dan Mee Tomyam.




**KILANG Sky Thomas Food Industries Sdn. Bhd. dekat Kawasan Perindustrian Bukit Minyak di sini.**

# TKM1 rakam tahniah 1,500 peluang kerja IBIDEN

**BATU KAWAN -** Timbalan Ketua Menteri I, Datuk Mohd. Rashid Hasnon merakamkan penghargaan kepada syarikat elektronik terkemuka, IBIDEN Electronics Malaysia Sdn. Bhd. (IBIDEN) kerana menawarkan 1,500 lagi peluang pekerjaan di sini baru-baru ini.



**KELUARGA pekerja IBIDEN dihiburkan dengan gelagat sekumpulan badut pada sambutan Hari Keluarga industri itu di sini baru-baru ini.**

"Saya difahamkan, sekurang-kurangnya 500 ahli baru telah menyertai IBIDEN, dan pada hari ini pun sempena sambutan hari keluarga syarikat pagi ini, kaunter pendaftaran turut dibuka untuk mengisi 1,500 peluang pekerjaan berkenaan.

"Ini menunjukkan bahawa Pulau Pinang merupakan antara destinasi pelaburan pilihan, termasuk apa yang kita lihat di IBIDEN sendiri," ujarnya pada sambutan Hari Keluarga IBIDEN di kilang tersebut dekat Kawasan Industri Bukit Minyak, Simpang Empat di sini.

Mohd. Rashid yang juga Exco Pembangunan Industri, Perdagangan Antarabangsa, Pembangunan Usahawan, Koperasi dan Perhubungan Kemasyarakatan turut merakamkan penghargaan atas pengembangan operasi IBIDEN sebagaimana diumumkan baru-baru ini.

Itu, menurut Mohd. Rashid, adalah hasil sokongan Kerajaan Negeri dan Kerajaan Pusat, melalui Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA).

Mohd. Rashid turut menyempurnakan majlis perasmian Hari Keluarga IBIDEN dengan acara melepaskan belon ke udara.

Lebih 500 hadirin menyertai keraian tersebut, termasuk anak-anak dari sebuah rumah kebajikan dekat Bukit Mertajam.

Pelbagai acara sukaneka disediakan untuk menghargai keluarga pekerja IBIDEN.

# *Crowdsourcing* beri impak ekonomi negeri kini

Oleh: **AINUL WARDAH SOHILLI**

**GEORGE TOWN -** Peningkatan penggunaan jalur lebar dalam negara secara tidak langsung menyumbang kepada kaedah pengurusan terkini dikenali *crowdsourcing* yang mampu memberi impak dalam perspektif ekonomi mikro, perspektif ekonomi makro, *crowdfunding* dan daya saing pasaran semasa.



**NG Wan Peng.**

Menurut Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng, data menunjukkan penggunaan jalur lebar di Malaysia telah meningkat kepada 67.2 peratus menjadikan penggunaan 3G bagi suku tahun ketiga tahun 2013 mencecah 17.454 juta penggunaan.

"Begitu juga dalam pasaran tenaga kerja menunjukkan peningkatan dari 64.4 peratus pada 2011 kepada 65.5 peratus pada tahun lalu.

"Semua pemajuan ini telah menyumbang kepada kaedah pengurusan terkini iaitu *crowdsourcing*, yang dilihat menjadi trend terkini dalam pelaburan dan perkembangan ekonomi negara," ucapnya ketika menghadiri *Conference on Unleashing Business Opportunities: Crowdsourcing New Emerging Trend* di sini baru-baru ini.

Turut hadir, pengasas merangkap Ketua Pegawai Eksekutif *Crowsourcing.org*, Carl Esposti, Pengerusi Jawatankuasa Ekesekutif Lembaga Pengarah *investPenang* (iP), Datuk Lee Kah Choon, Ahli Lembaga Pengarah iP, Datuk Abdul Halim Hussain dan Ketua Pegawai Operasi *Multimedia Development Corporation* (MDeC), Ng Wan Peng.

Menurut Guan Eng, kaedah *crowdsourcing* lazimnya mampu memberi impak dalam perspektif ekonomi mikro, perspektif ekonomi makro, *crowdfunding* dan daya saing pasaran semasa.

"Saya percaya Malaysia, khususnya Pulau Pinang mampu menjadi peneraju utama dalam kaedah *crowdsourcing* memandangkan Kerajaan Negeri kini bersikap lebih proaktif dalam penyediaan infrastruktur teknolgi maklumat.

"Pengenalan *Penang Free Wifi* pada 2009 adalah sebahagian daripada inisiatif *Wireless@Penang* dengan 1,550 *hotspot* telah dipasang merentasi 40 kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) seluruh Pulau Pinang," kata beliau yang turut menjangkakan pemasangan *wifi* akan ditingkatkan kepada 3,100 *hotspot* menjelang 2017.

Dalam pada itu, Wan Peng berkata, kaedah *crowdsourcing* adalah sebahagian inisiatif *Digital Malaysia* yang mendokong hasrat menjadikan Malaysia sebagai negara Ekonomi Digital menjelang 2020.

"Sejak pengenalannya di Malaysia tahun lalu, seramai 750 daripada 2,500 individu yang mengikuti kaedah ini telah berjaya menjana pendapatan tambahan.

"Kami di MDeC dengan kerjasama *Freelancer.com* akan menyediakan platform terutama dalam kalangan pengusaha kecil dan sederhana (SME) untuk mengembangkan lagi perniagaan mereka sekaligus menambah pendapatan melalui kaedah *crowdsourcing* ini," jelasnya dalam suatu sidang media baru-baru ini.

Tambah beliau, *crowdsourcing* bukan sahaja memberi impak kepada penyampaian perniagaan, malah turut membantu meningkatkan kecekapan dan melangkaui keterbatasan ekonomi.

Nota:

*Istilah 'crowdsourcing' wujud pada tahun 2006 yang merujuk kepada perkara atau aktiviti yang menggunakan kaedah penyumberan luar secara tradisional kini dilaksanakan oleh sekumpulan individu atau secara umum.*

*Aktiviti yang disumberluarkan akan diagihkan mengikut kapasiti individu yang berkongsi minat, kebolehan dan kepakaran yang sama jika dibandingkan dengan orang perseorangan atau sesebuah syarikat.*

# MPSP sasar tingkat pendapatan penduduk melalui kitar semula

Oleh: **AHMAD ADIL MUHAMAD**

**PERMATANG NIBONG** - Penganjuran Bengkel Kitar Semula Kreatif kepada penduduk sekitar oleh Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) adalah bertujuan mempercepatkan usaha menjadikan Pulau Pinang khususnya Seberang Perai lebih Bersih, Hijau, Sihat dan Selamat di sini baru-baru ini.

Menurut Setiausaha Perbandaran MPSP, Sr. Rozali Mohamud, bengkel tersebut bertujuan melatih penduduk menggunakan semula bahan buangan dan menjadikan ia mempunyai nilai pasaran.

"Peserta bengkel akan dilatih oleh tiga pengajar pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dari Filipina, *Kilus Foundation Philippine* yang dibawa melalui program tanggungjawab sosial korporat (CSR) oleh syarikat pengurusan sisa dan industri alam sekitar, SVAC Virogreen Sdn. Bhd. (SVAC).

"Mereka akan mengajar dan melatih peserta bengkel untuk menjahit, menganyam atau memanikkan bahan buangan dari kertas, plastik atau *doy pack* untuk dijual semula," katanya pada Majlis Perasmian Bengkel Kitar Semula Kreatif di sini baru-baru ini.

Bengkel tersebut berlangsung selama 14 hari dari jam 9 pagi hingga 12 tengah hari dan jam 9 malam hingga 11.30 malam setiap hari. Para peserta diberikan sijil penyertaan setelah tamat latihan.

Sehingga kini, MPSP berjaya menubuhkan tiga Pusat Sumber Alam Sekitar, komuniti kebun kejiranan (6), komuniti sifar (8), sekolah sifar (32) dan sekolah hijau (84).

Tambah Rozali, usaha penduduk menubuhkan Koperasi Perusahaan Hijau Permatang Nibong adalah selari dengan hasrat MPSP untuk mewujudkan komuniti sisa sifar.

"Penubuhan koperasi ini adalah bagi memastikan kemampanan program dianjurkan.

"Ia akan menjadi ejen pemasaran bahan-bahan dihasilkan penduduk dan sekaligus meningkatkan pendapatan serta menjadikan negeri ini kemiskinan sifar," ujar beliau.

Hadir sama, Pengarah Urusan SVAC, K. Moorthi dan dua ahli majlis MPSP, Abdul Jalil Che Ros dan Tan Cheong Heng.



SR. Rozali Mohamud (duduk) cuba menjahit bahan kitar semula sambil diperhatikan K. Moorthi (kiri sekali) pada Majlis Perasmian Bengkel Kitar Semula Kreatif di sini baru-baru ini.

Dalam pada itu, Moorthi turut menyerahkan alat pencerna biogas kepada komuniti Permatang Nibong bagi mencerna sisa-sisa bahan basah kepada sumber gas masakan.

"Alat pencerna ini dapat menghasilkan gas masakan selama dua jam hanya dengan 2.5kilogram sisa bahan basah," ujar Rozali.

## Ikut jejak langkah KN jaga alam sekitar – Steven Sim

**BUKIT MERTAJAM** – Ahli Parlimen Bukit Mertajam, Steven Sim Chee Keong menyatakan bahawa Kerajaan Pusat patut mengikut jejak langkah Kerajaan Negeri dalam menjaga alam sekitar.

Jelas beliau, melalui subsidi rakyat yang dipotong, Kerajaan Pusat sepatutnya memberi bantuan kepada Kerajaan Negeri untuk tujuan memelihara dan memulihara alam sekitar.



SEBAHAGIAN pengunjung memerhatikan beg pelbagai guna yang dihasilkan melalui bahan kitar semula pada penganjuran Karnival Kitar Semula Perkampungan Permatang Tinggi di sini baru-baru ini.

"Kerajaan Pusat juga harus lebih agresif dalam menggalakkan ekonomi hijau iaitu menukarkan penghasilan bahan sisa buangan menjadi suatu sumber berguna sekaligus meningkatkan pendapatan rakyat bagi menghadapi kenaikan harga barang yang meruncing kini," ucapnya dalam penganjuran Karnival Kitar Semula Perkampungan Permatang Tinggi di sini baru-baru ini.

Turut hadir, Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalu Lintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow dan Ahli Majlis MPSP, Tan Cheong Heng.

Program tersebut merupakan anjuran Majlis Perbandaran Seberang Perai dengan kerjasama Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) setempat.

Dalam pada itu, Kon Yeow semasa merasmikan karnival tersebut menyatakan bahawa program tersebut merupakan inisiatif terbaik bagi memberi kesedaran kepada orang ramai bahawa betapa pentingnya inisiatif kitar semula.

"Melalui program-program anjuran MPSP ini, penduduk semakin sedar bahawa betapa pentingnya menghargai alam sekitar.

"Ini dapat dibuktikan apabila MPSP berjaya mencapai sasaran kadar kitar semula sebanyak 32 peratus pada tahun 2013 berbanding sasaran 31 peratus," ujarnya.

Selaras itu, beliau turut mengingatkan penduduk di sini agar menjadikan amalan kitar semula sebagai cara hidup mampan bagi menjadikan negeri ini selesa didiami.

"Saya harap, amalan seperti ini tidak hanya dipraktikkan secara bermusim, tetapi secara berterusan dan seterusnya menjadi budaya hidup masyarakat setempat," tambah beliau.



CHOW Kon Yeow (enam dari kanan) bersama-sama barisan penganjur menunjukkan tanda bagus pada majlis sidang media pengumuman penganjuran *Earth Hour 2014* di sini baru-baru ini.

## KN, WWF anjur *Earth Hour* 29 Mac

Oleh: **ZAINULFAQAR YAACOB**

**GEORGE TOWN** - Kempen kesedaran *Earth Hour 2014* di Pulau Pinang pada 29 Mac depan dijangka lebih meriah dengan aktiviti berjalan kaki sejauh 3.5 kilometer di sekitar George Town Tapak Warisan Dunia UNESCO serta ikrar menanam 60 lagi pokok daripada empat spesis terancam mulai sekarang.

Exco Kerajaan Tempatan, Pengerusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow berkata, ilham penganjur iaitu sebuah pertubuhan bukan kerajaan (NGO), *World Wide Fund for Nature* (WWF) Malaysia itu disambut baik kerana Kerajaan Negeri komited dengan kempen memulihara alam sekitar sejak tahun 2008 lagi.

"Titik permulaan di Jalan Padang Kota Lama, melalui Lebuh Light, Lebuh Farquhar, Lebuh Leith, Lebuh Chulia dan Lebuh Pantai, sebelum kembali sekali lagi ke Lebuh Light dan berakhir di Jalan Padang Kota Lama di sini," ujarnya pada majlis sidang media pengumuman penganjuran *Earth Hour 2014* di sini baru-baru ini.

Menurut beliau, Kerajaan Negeri melalui Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) akan menanam 60 pokok daripada empat jenis spesies terancam, iaitu *Scaphula Anisoptera, Cratoxylum Sochinchinense, Firmiana Malayana* dan *Fagrea Auriculata* di *Queensbay* dekat Pantai Jerejak sebagai menyokong kempen *Earth Hour 2014*.

Justeru, katanya lagi, diharap 60 bangunan komersial sekitar pulau dapat menyokong kempen nilai tersebut dengan memadamkan lampu yang tidak diperlukan selama sejam bermula 8.30 malam pada 29 Mac depan.

Sebelum itu, Pengarah Pemuliharaan WWF Malaysia, Dr. Sundari Ramakrishna melahirkan penghargaan atas partisipasi yang ditunjukkan oleh Kerajaan Negeri.

"Ini adalah kali pertama kami bekerjasama dengan Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk mengajak beribu-ribu orang di negeri ini untuk mengambil bahagian dalam *Earth Hour 2014*," katanya.

*Earth Hour* adalah satu inisiatif global alam sekitar yang bermula pada 2007 di Sydney, Australia dengan penyertaan 2.2 juta individu serta lebih 2,000 perniagaan memadamkan lampu mereka selama satu jam dari jam 8.30 malam sebagai mengambil bahagian terhadap perubahan iklim global.

# Karnival Sukan Pantai fokus aktiviti santai keluarga

Oleh: **AINUL WARDAH SOHILLI**

**BATU FERINGGHI** - Berbanding empat tahun sebelumnya, penganjuran Karnival Sukan Pantai Pulau Pinang 2013 di sini baru-baru ini adalah lebih menfokuskan kepada sukan-sukan pantai dan aktiviti santai bersama keluarga yang menonjolkan warna-warna Pulau Pinang *(The Colors of Penang)*.

Exco Belia dan Sukan, Pembangunan Wanita, Keluarga & Komuniti, Chong Eng berkata, sebanyak sembilan aktiviti pantai dijalankan merangkumi tujuh sukan pantai dipertandingkan pada penganjuran kali ini.

"Aktiviti-aktiviti pertandingan tersebut adalah termasuk Bola Tampar Pantai, Kabaddi Pantai, Futsal Pantai, *Skimboarding*, *Woodball* Pantai dan Demonstrasi *Speed Badminton* yang julung kali diadakan.

"Paling mencuri tumpuan adalan Pertandingan *Mr. Penang Beach Carnival 2013* yang diunggguli Shahrijal Shamsudin, 33 dari Kategori Terbuka dan Pertandingan Memancing Seronok-seronok dimenangi Azman dengan hasil tangkapan ikan ketuka seberat 227 gram," katanya sempena penganjuran Karnival Sukan Pantai Pulau Pinang 2013 di sini baru-baru ini.

Karnival yang menjadi tumpuan peminat sukan pantai dari serata negeri tersebut dianjurkan bersama Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang (MSNPP) dan Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP).

Kira-kira 3,000 pengunjung turut serta dalam karnival yang diadakan di pesisir pantai *Golden Sands Resort* di sini.

Chong Eng dalam itu turut berterima kasih kepada penganjur dan penaja yang menjayakan penganjuran Karnival Sukan Pantai Pulau Pinang 2013 kali ini.

Dalam pada itu, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Komtar, Teh Lai Heng turut berbesar hati menyediakan 400 bekas manisan *'Tang Yuan'* sempena Sambulan Pesta Soltis Musim Sejuk, *'Dongzhi'* untuk dinikmati pengunjung-pengunjung karnival.



**SALAH seorang peserta ceria dengan hasil pancingan dalam Pertandingan Memancing Seronok-seronok Karnival Sukan Pantai Pulau Pinang 2013 di sini baru-baru ini.**



**AKSI *Skimboarding* yang dipamerkan.**

# Poster kreatif dapat RM2,000!




**LAW Heng Kiang menunjukkan poster-poster rasmi yang telah diguna dan dipilih sempena penganjuran PBIM sejak penganjurannya di sini baru-baru ini.**

Oleh: **NORSHAHIDA YUSOFF**

**GEORGE TOWN–** Acara tahunan, Pertandingan melukis poster Larian Antarabangsa Jambatan Pulau Pinang (PBIM) 2014 kini kembali dengan tawaran hadiah wang tunai bernilai RM2,000.

Exco Pembangunan Pelancongan, Law Heng Kiang berkata, peserta yang tampil dengan poster menarik dan kreatif akan memperoleh RM2,000 manakala tempat kedua, RM1,000.

"Pada tahun ini, kita (Kerajaan Negeri) mengalu-alukan sesiapa saja yang mempunyai kreativiti sendiri untuk menyertai pertandingan melukis poster tanpa dibayangi reka bentuk terdahulu.

"Pada tahun lalu (2013), kita menerima kira-kira 100 penyertaan, namun, hanya satu lukisan yang benar-benar menarik akan dipilih dan diangkat menjadi poster rasmi penganjuran PBIM 2014 kelak," ujarnya pada sidang media pengumuman pertandingan tersebut baru-baru ini di sini.

Tambah Heng Kiang, PBIM 2014 bakal berlangsung pada 16 November 2014.

"Kita (Kerajaan Negeri) mempunyai hak sepenuhnya ke atas poster dipilih dan berhak melakukan pengubahsuaian jika difikirkan perlu untuk tujuan publisiti serta poster rasmi penganjuran.

"Berkemungkinan penganjuran kali ini bakal diadakan di Jambatan Kedua Pulau Pinang, bagaimanapun, ia akan diumumkan kemudian," ujarnya.

Tarikh tutup penyertaan adalah pada 31 Januari ini. Sebarang pertanyaan boleh emailkan kepada *info@penangmarathon.gov.my* atau hubungi talian **016 - 411 0000.**

# FESKOM cungkil bakat muda



**SALAH satu pasukan menunjukkan pingat yang dimenangi dalam penganjuran FESKOM di sini baru-baru ini.**

**BAKAT MUDA...** Festival Sukan Kombat (FESKOM) yang dianjurkan sempena Pesta Pulau Pinang 2013 baru-baru ini bertujuan mencungkil bakat muda dalam sukan karate di sini.

Menurut Setiausaha Persekutuan Karate Pulau Pinang (PKPP), William Tang, acara tersebut berjaya mengumpulkan 200 peserta dari 10 pasukan dan memperoleh satu penyertaan dari luar negara iaitu Iran.

"Pertandingan terbahagi kepada dua bahagian iaitu 'Kata' dan 'Kumite' yang dipecahkan kepada kategori umur 10 - 11 tahun, 12 - 13 tahun, 14 - 15 tahun, 16 - 17 tahun dan 18 - 21 tahun," ujar beliau di sini baru-baru ini.

William memberitahu, penganjuran tersebut merupakan kali pertama diadakan di luar yang mana kebiasaannya di Majlis Sukan Negeri (MSN), Batu Uban.

Hadir sama, Timbalan Pengerusi II MSN, Datuk Ong Poh Eng dan Exco Belia dan Sukan, Pembangunan Wanita, Keluarga dan Komuniti, Chong Eng.

# Kita tidak diberi hak musnahkan

Oleh: **YAP LEE YING**
Gambar : **BULETIN MUTIARA/ ESCAPE**

**SEBAGAI** 'orang baru'dalam industri pelancongan tempatan, Taman Tema Escape (Escape) yang terletak di Teluk Bahang tidak terkecuali menghadapi cabaran yang berkait rapat dengan amalan rasuah.

Lebih dikenali dengan istilah 'rasuah pelancongan', krew **Buletin Mutiara** tertarik untuk mendalami isu tersebut apabila ia diketengahkan oleh Pengasas dan Ketua Pegawai Eksekutif Escape, Sim Choo Kheng pada Majlis Ulang Tahun Pertama Taman Tema Escape dan Upacara Pecah Tanah Pembinaan Escape Fasa II tahun lalu.

## Sudah lali

Mengulas lanjut, Choo Kheng atau lebih selesa dengan panggilan Sim menyatakan bahawa sejak bergelumang dalam industri pelancongan dalam tempoh 23 tahun, beliau sudah lali dengan tindakan isu memberi rasuah kepada orang ketiga bagi membawa pelancong ke sesebuah lokasi pelancongan.

"Amalan tersebut lazimnya berlaku dalam mentaliti negara-negara ketiga dan saya secara peribadi mendapati ia adalah fenomena yang amat sedih.

"Majoriti pihak yang terlibat dalam industri pelancongan tidak bersetuju dengan saya. Malah, sentiasa menyatakan bahawa saya akan kalah dalam 'perjuangan' ini kerana hanya saya seorang yang menentang ia," katanya.

Bercerita lebih lanjut, ekoran prinsip Escape yang hanya memberi diskaun sah kepada operator pelancongan serta agen dan sama sekali tidak akan memberi rasuah atau 'duit rokok', pelancong, pembekal atau rakan-rakan luar negara yang ingin mengadakan lawatan ke taman tema tersebut sering dibawa ke lokasi pelancongan lain.

Mengulas lanjut, Sim menegaskan bahawa rasuah bukan cara untuk meningkat dan memperkembangkan industri pelancongan tempatan. Sebaliknya, lokasi-lokasi pelancongan perlu meningkatkan perkhidmatan masing-masing dengan menghasilkan produk yang lebih baik.

"Memiliki pemikiran bertaraf antarabangsa, janganlah jadi jaguh kampung sahaja, Pulau Pinang tidak lagi bersaing dengan Melaka ataupun Langkawi, sebaliknya, Bali, Dubai, *Gold Coast* dan lain-lain," nyata beliau.



PENGURUS Keselamatan Escape membuat pemeriksaan harian kelengkapan.

Sim memberitahu, banyak lokasi pelancongan akan gulung tikar sekiranya amalan rasuah berterusan dan juga mengharapkan pihak ketiga membawa masuk pelancong. Ini kerana, pihak-pihak operator terbabit tidak akan menjalankan 'kerja rumah' masing-masing untuk memperbaiki perkhidmatan sedia ada. Tahukah anda bahawa lokasi pelancongan tempatan memberi habuan sebanyak 40 peratus kepada pihak-pihak terbabit.

"Kenapa kita menerima rasuah sebagai satu budaya?

"Hanya pihak yang tidak mampu bersaing berdasarkan merit akan mengguna taktik merasuah dan sistem kronisme bagi meraih bilangan pelancong yang banyak secara 'jalan belakang'," tegas beliau yang merupakan anak jati Pulau Pinang.

Justeru, beliau menyeru kepada semua penggiat industri pelancongan di sini (Pulau Pinang) untuk tampil dan menyokong Ikrar Integriti Pelancongan yang bakal diwujudkan Kerajaan Negeri bagi menjadikan Pulau Pinang sebagai negeri pertama di Malaysia yang bebas penipuan serta rasuah dalam sektor pelancongan.

Tambah beliau yang sentiasa berbangga dengan negeri kelahirannya, peneraju-peneraju industri pelancongan tidak seharusnya menutup sebelah mata berhubung isu berkenaan.

Ini kerana, selain imej, ia turut melahirkan persaingan tidak sihat dalam industri sendiri.

"Betapa bagusnya seseorang peneraju dalam industri ini (pelancongan) adalah berdasarkan keupayaan dan kreadibiliti sendiri.

"Jangan takut diboikot hanya kerana melakukan sesuatu yang betul. Escape membuktikan bahawa kami mampu bersaing secara kompetitif tanpa menghulurkan rasuah kepada pihak-pihak tertentu," tegas Sim.

## Falsafah Escape

Escape sebagaimana nama panggilannya menjanjikan keseronokan dan 'kebebasan' kepada setiap pengunjung yang bertandang.

Melangkah memasuki pintu masuk Escape adalah menyerupai kembali semula ke zaman kanak-kanak di kampung tanpa dibuai arus pembangunan.

"Saya dibesarkan dalam suasana yang sentiasa



SIM Choo Kheng.



SEKUMPULAN pengunjung bergambar kenangan dengan lukisan mural menarik.

# alam – Sim

berhubung rapat dengan alam. Yang mana, alam dan manusia berkait dan saling bergantungan untuk hidup.

"50 tahun lalu, kita (manusia) tidak menebang pokok kerana kita (manusia) memerlukan ia. Kita (manusia) tidak mencemari sungai kerana kita (manusia) perlukannya.

"Tapi kini, kita telah pergi terlalu jauh dan 'kejam' dengan alam sekitar. Tiada sesiapa yang memberi hak kepada kita untuk memusnahkan alam," tegas beliau.

Jelas Sim, Escape adalah sebuah taman tema yang dibangunkan dengan teknologi ringkas tapi menjanjikan tahap keseronokan optimum terutamanya kepada keluarga.

"Sebagaimana taman-taman tema lain, Escape tidak ingin muncul sebagai (taman tema) yang terpanjang, terbesar, tertinggi mahupun terluas. Kita tidak mahukan mentaliti angkuh sebegini, tetapi, kita (Escape) ingin dikenali sebagai taman tema yang memberi lebih *'smiles per ringgit'* yang dibelanjakan.

"Kita (Escape) ingin menawarkan sesuatu yang ringkas, berkait dengan alam, mempromosikan kesedaran terhadap alam sekitar dan paling utama adalah mereka suatu persekitaran menyamai keadaan yang pernah didiami nenek moyang kita sebelum ini," ujar beliau.



TUBER Racer yang menjadi tumpuan.



AKSI sekumpulan pengunjung selepas berjaya menamatkan cabaran Gecko Tower.



SALAH satu cabaran dalam permainan Monkey Business.

## Kembali

*Sim Leisure Group* yang lebih dikenali sebagai pereka taman-taman tema terkenal seluruh dunia dan beribu pejabat di Dubai, Sim menyatakan bahawa adalah menjadi impian dirinya untuk kembali menabur bakti di negeri kelahiran Pulau Pinang.

Dikurniakan tiga cahaya mata, buat pertama kali, beliau mengambil cabaran dengan nilai pelaburan RM18 juta (hingga kini) untuk membangunkan Escape.

"Faktor yang turut mendorong saya berbuat demikian adalah hasrat Kerajaan Negeri untuk mewujudkan sebuah taman tema eko yang mana menepati impian saya sendiri," jelasnya.



MONKEY School untuk golongan kanak-kanak.



## Keselamatan

Bercerita mengenai aspek keselamatan, Sim menyatakan bahawa ia amat diutamakan pihaknya.

Pemeriksaan peralatan pengunjung serta permainan dijalankan pada setiap hari sebelum taman tema dibuka untuk setiap hari.

Malah, beliau turut menyatakan bahawa peralatan digunakan adalah yang paling mahal dan terdapat auditor dari Perancis yang diupah khas untuk mengaudit peralatan-peralatan digunakan.

## Peluang kerja

Sejak dibuka dalam tempoh setahun lalu, 70 peratus daripada kakitangan Escape merupakan penduduk tempatan terutamanya dari Balik Pulau, Batu Feringghi dan Teluk Bahang di sini.

"Latihan dari semasa ke semasa didedahkan kepada mereka (kakitangan) bagi meningkatkan kecekapan sedia ada," kata Sim sambil menyatakan bahawa taman tema air Escape yang menggunakan pendekatan air hujan bakal dibuka kepada pengunjung menjelang pertengahan tahun ini.

Maklumat lanjut, sila layari *escape.my*.

# Permuafakatan kunci komuniti bersih, selesa

Oleh: **AHMAD ADIL MUHAMAD**



SR. Rozali Mohamud (duduk, empat dari kanan) bergambar kenangan bersama-sama Ahli Jawatankuasa LA21 Ampangan Sesi 2014-2016 baru-baru ini.

**SEBERANG PERAI –** Barisan jawatankuasa baru Pasukan LA21 Pangsa Projek Perumahan Rakyat (PPR) Ampangan dekat Ampang Jajar bagi sesi tahun 2014 diseru membantu pihak berkuasa tempatan (PBT) dan Perbadanan Pembangunan Wanita Pulau Pinang (PWDC) menjalankan program setempat di sini.

Kenyataan tersebut dinyatakan Setiausaha Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), Sr. Rozali Mohamud pada Majlis Pengumuman Ahli Jawatankuasa LA21 Ampangan Sesi 2014-2016 baru-baru ini.

Katanya, permuafakatan antara komuniti PPR dan jawatankuasa pasukan merupakan kunci utama wujudnya sebuah tempat yang bersih, indah dan selesa untuk didiami.

"Aktiviti-aktiviti tidak akan dapat dijalankan dengan jayanya tanpa permuafakatan dan MPSP amat berbangga dengan keharmonian yang ditunjukkan oleh penduduk di sini," ujar beliau.

Seramai 15 ahli jawatankuasa (AJK) dipilih secara demokratik bagi menganggotai Pasukan LA21 Pangsa Projek Perumahan Rakyat (PPR) Ampangan bagi sesi tahun ini (2014).

Menurut Rozali, jawatankuasa itu diharap dapat menangani beberapa masalah berbangkit di PPR berkenaan.

"AJK yang dilantik haruslah berhubungan erat dengan penduduk dan memberi maklumbalas kepada MPSP agar dapat bersama-sama mengatasi masalah berbangkit," tegasnya.

Dalam perkembangan berkaitan, Rozali turut mengingatkan semua pihak supaya segera menjelaskan bayaran penyelenggaraan dan pengurusan bulanan berjumlah RM100.

"Setiap bulan, MPSP menanggung kos berjumlah RM30,000 demi menyediakan kediaman yang selesa dan kemudahan kepada penduduk di sini," jelas beliau.

Berikut adalah senarai Ahli Jawatankuasa Pasukan LA21 PPR Ampangan Bagi Tahun 2014:

| JAWATAN | NAMA | NO.UNIT |
|---|---|---|
| PENGERUSI | MOHD ASRI BIN OTHMAN | 07/20/14 |
| TIMBALAN PENGERUSI 1 | MOHD ARIF BIN SAAD | 2-09 |
| TIMBALAN PENGERUSI 2 | NORISHAH BINTI SAID | 8-19 |
| SETIAUSAHA | MOHD SAAD BIN IBRAHIM | 2-10 |
| BENDAHARI | AHMAD SHAHRIZAL BIN HASAN | 7-12 |
| AJK | 1.AMBARASAN A/L MUNIANDY | 8-20 |
| | 2.ZAITON BINTI SAAD | 3-12 |
| | 3.KALKAUSAR BINTI DAHAMAN | 7-12 |
| | 4.NASRUL BIN JAMALLUDIN | 7-28 |
| | 5. WAN ANUAR BIN WAN OMAR | 3-08 |
| | 6.NIK AINUN BINTI NIK MAT | 3-08 |
| | 7.SABARIAH BINTI ULOLD | 2-11 |
| | 8. SARIMAH BINTI SUDIN | 2-14 |
| | 9.ROSNANI BINTI ALI | 7-16 |
| | 10. NORIFAH BINTI MOHD YUSOF | 01/06/14 |

## Kayuhan santai waktu malam dapat sambutan



PARA peserta Kayuhan DELTA Burung Hantu 2013 ceria bergambar kenangan dengan aksi masing-masing pada penganjurannya di sini baru-baru ini.

**GEORGE TOWN –** Kayuhan DELTA Burung Hantu 2013 yang berlangsung baru-baru ini di Taman Botani *(Youth Park)* membolehkan kira-kira 120 peserta menikmati kayuhan santai beramai-ramai pada waktu malam di sini.

Program seumpamanya adalah hasil anjuran bersama Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP), Majlis Sukan Pulau Pinang (MSNPP) dan Kelab Lions Tanjung Pulau Pinang.

Pengarah Urusan DELTA Business Solutions Sdn. Bhd. yang merupakan penganjur utama, Choo Eng Hin berkata, program tersebut telah dijenamakan semula.

"Kayuhan DELTA Burung Hantu 2013 adalah bersifat kekeluargaan iaitu kayuhan santai yang turut melibatkan ibu bapa dan anak-anak sambil menikmati dan mengakses keindahan Taman Botani pada waktu malam.

"Di samping itu, program ini turut membantu meningkatkan kesedaran peserta tentang gaya hidup sihat dalam kalangan masyarakat adalah sesuatu yang bermakna," ujarnya pada penganjuran Kayuhan DELTA Burung Hantu 2013 di Taman Botani baru-baru ini di sini.

Majlis perasmian program disempurnakan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Kebun Bunga, Cheah Kah Peng. Turut hadir menemani Ahli Majlis MPPP, Muhammad Sabri Md. Osman.

## Aliran sehala urai kesesakan dua sekolah

Oleh: **NORSHAHIDA YUSOFF**



LALUAN di Jalan Han Chiang yang bakal ditukar kepada laluan sehala menjelang waktu puncak di sini.

**GEORGE TOWN –** Bagi melancarkan pergerakan trafik di Jalan Han Chiang dan sebahagian Cangkat Minden di sini, Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) mengambil inisiatif menukar aliran lalulintas kepada sehala pada waktu puncak masing-masing berkuatkuasa pada 6 Januari lalu dan 13 Februari ini.

Ahli Majlis MPPP, Muhammad Sabri Md. Osman berkata, jalan sehala tersebut akan memudahkan ibu bapa menghantar dan mengambil anak-anak mereka sekaligus dapat meningkatkan keselamatan masing-masing.

"Arah lalulintas yang telah dicadangkan bagi menguraikan kesesakan traffik dua hala kepada sehala adalah di Jalan Han Chiang di antara Jalan Lim Lean Teng dan Jalan Ayer Itam.

"Trafik akan diuraikan melalui simpang Jalan Lim Lean Teng/Jalan Han Chiang ke Jalan Air Itam bermula pukul 6.30 pagi hingga 8 pagi dan 2 petang sehingga 4 petang," ujarnya pada satu sidang media di Sekolah Han Chiang di sini baru-baru ini.

Turut hadir, Pengetua Sekolah Han Chiang, Datuk Dr. Cheah See Kian, Guru Besar Sekolah Kebangsaan Minden Height, Ilias Tajudin, Yang Dipertua PIBG Minden Height, Dr. Fadzilah Amzah, Jurutera Lalulintas dan Pengangkutan MPPP, Zainuddin Mohd. Shariff dan Ahli-ahli Majlis MPPP.

Tambah, Muhammad Sabri, turut termasuk adalah sebahagian Cangkat Minden Jalan 13 di antara Cangkat Minden Jalan 14 dan Cangkat Minden Jalan 15 yang mana aliran lalulintas dicadangkan adalah dari simpang Cangkat Minden Jalan 14/ Cangkat Minden Jalan 13 ke Cangkat Minden Jalan 15.

"Tiga waktu bakal dikuatkuasakan iaitu dari 6.30 pagi hingga 8 pagi, 12.30 tengah hari hingga 2 petang dan 6 petang hingga 7.30 malam," jelasnya.

Beliau memberitahu, langkah menukar sistem aliran lalulintas tersebut dilihat dapat mengurangkan kesesakan di kawasan sekolah pada waktu masuk dan tamat persekolahan.

"Orang ramai dan ibu bapa dinasihatkan untuk mematuhi arah aliran lalulintas dan larangan-larangan yang telah ditetapkan demi kelicinan lalulintas di kawasan terlibat," tegas Muhammad Sabri.

# Professional indahkan Jalan Mak Mandin melalui CSR

Oleh: **AHMAD ADIL MUHAMAD**

**MAK MANDIN** - Yang di-Pertua (YDP) Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) menyeru syarikat-syarikat swasta mahupun korporat di Seberang Perai supaya mengikut jejak langkah syarikat pembuatan acuan untuk kilang elektrik dan elektronik, automotif serta komputer, Professional Tools & Dies Sdn. Bhd. (Professional) melaksanakan tanggungjawab sosial korporat (CSR) Landskap di sini.

Seruan itu adalah ekoran perasmian projek pengindahan secara CSR oleh syarikat terbabit di sini baru-baru ini.

YDPnya, Maimunah Mohd. Sharif berkata, difahamkan, Professional telah menanam sebanyak tujuh pokok jenis *bucida molineti* dan rumput *cow grass* yang menelan belanja sebanyak RM25 ribu tidak termasuk kos penyelenggaraan.

"Inisiatif Professional amat dihargai kerana ia dapat membantu meningkatkan mutu serta kualiti hidup melalui kebersihan dan pengindahan alam sekitar," katanya pada majlis perasmian berkenaan di sini baru-baru ini.

Tambah beliau, projek CSR Landskap tersebut telah mula dijalankan sejak Jun 2011 dengan mensasarkan penajaan syarikat korporat untuk pengindahan di luar kawasan kilang ataupun lokasi-lokasi lain.

"Melalui penglibatan syarikat-syarikat korporat secara CSR ini, ia sedikit sebanyak menyumbang kepada peningkatan pada aspek kebersihan dan keindahan di Seberang Perai.

"Diharapkan program seperti ini dapat diteruskan dengan penglibatan lebih ramai pihak sama ada persendirian mahupun komuniti pada masa akan datang," tambah Maimunah.

Hadir sama, Pengarah Urusan Professional, Steven Lee.

Menurut Steven, Professional telah memulakan program CSR sejak 1996, tanpa pernah gagal dalam tempoh 18 tahun sebelum ini.

"Untuk program CSR kali ini, pihak Professional mensasarkan untuk mengikut visi MPSP dalam menjadikan Seberang Perai Bersih, Indah dan Selesa didiami dengan menanam pokok di sepanjang Jalan Mak Mandin," ujar beliau.

Difahamkan, sehingga kini, sebanyak 14 lokasi projek melalui program CSR telah siap dan sedang dilaksanakan, manakala 29 buah lokasi terpilih masih belum mendapat penajaan.

**SENARAI KOMPLEKS TIDAK AKTIF MPSP YANG BELUM DISEWA (SEHINGGA 10 DISEMBER 2013)**

**SPU**

| BIL | KOMPLEKS | BILANGAN UNIT | BIL.UNIT TELAH DISEWA | BIL. UNIT KOSONG |
|---|---|---|---|---|
| 1 | Lorong Sungai Lokan 3/2 | 10 | 0 | 10 |
| 2 | Kompleks Lorong Sg. Lokan 5 | 20 | 0 | 20 |

**SPT**

| BIL | KOMPLEKS | BILANGAN UNIT | BIL.UNIT TELAH DISEWA | BIL. UNIT KOSONG |
|---|---|---|---|---|
| 1 | Kompleks Taman Bidara | 22 | 0 | 22 |
| 2 | Kompleks Taman Jambu | 7 | 0 | 7 |
| 3 | Taman Teguh, Pmtg Tinggi | 15 | 0 | 15 |
| 4 | Jalan Usahajaya | 24 | 0 | 24 |
| 5 | Taman Permai Jaya | 12 | 0 | 12 |
| 6 | Jalan Pala 4, Pmtg. Tinggi | 24 | 16 | 8 |
| 7 | Taman Seri Arowana | 6 | 0 | 6 |

**SPS**

| BIL | KOMPLEKS | BILANGAN UNIT | BIL.UNIT TELAH DISEWA | BIL. UNIT KOSONG |
|---|---|---|---|---|
| 1 | Taman Nafiri, Sg. Bakap | 11 | 0 | 11 |
| 2 | Taman Serunai, Bkt. Panchor | 14 | 0 | 14 |
| 3 | Pasar Taman Jawi Jaya | 14 | 0 | 14 |
| 4 | Pasar Tambun Indah | 17 | 0 | 17 |

**Sebarang pertanyaan dan maklumat lanjut boleh hadir ke Ibu pejabat MPSP Bandar Perda atau berhubung dengan Pegawai di Jabatan Pelesenan Mpsp di talian 04-5497678/685/843/844/675*




**Maimunah Mohd. Sharif (empat dari kanan) dan Steven Lee (empat dari kiri) memotong riben sempena perasmian Projek Pengindahan Secara CSR Professional di sini baru-baru ini.**



# Anjur program cari bakat seni tempatan

**TANJUNG BUNGAH** – Dalam usaha menjadikan Tanjung Bungah sebagai sebuah Bandar Warisan dan Kesenian, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Tanjung Bungah, Teh Yee Cheu mengorak langkah meraikan artis dalam Pameran Kesenian Tanjung Bungah di sini baru-baru ini.

Beliau berkata, pameran yang diadakan di Balai Rakyat Tanjung Bungah antara lain bertujuan untuk mengutip dana bagi Persatuan St. John Ambulan Pulau Pinang dan *Penang Pure Lotus Hospice of Compassion*.

"Sebanyak 50 peratus hasil penjualan lukisan dan buku *'Paint by heART'* akan diberikan kepada artis yang menjayakan pameran ini.

"Sebanyak 30 peratus akan disumbangkan untuk aktiviti-aktiviti kesenian di Tanjung Bungah dan baki 20 peratus, disumbangkan kepada persatuan berkenaan," katanya ketika ditemui Buletin Mutiara pada Pameran Kesenian Tanjung Bungah di sini baru-baru ini.

Dalam perkembangan sama, pameran yang menampilkan empat individu seni, Tan Eng Huat (kaligrafi), Ong Wah Peng (lukisan warna air), Jennifer Loo (kesenian tulisan Cina) dan Adam Baba (lukisan minyak) turut diserikan dengan persembahan pentas dan taklimat kesenian artis-artis tempatan.

Pameran dianjurkan secara bersama Biro Kebudayaan kawasan ADUN Tanjung Bungah dan Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) Taman Sri Setia.

Tambah Yee Cheu, beliau kini dalam usaha mencari bakat-bakat baru yang meminati kesenian sama ada seni lukis, seni suara mahupun seni tari.

"Oleh itu, kita akan terus menganjurkan program-program kesenian serta bengkel-bengkel berkaitan untuk merealisasikan aspirasi Tanjung Bungah sebagai sebuah Bandar Warisan dan Kesenian terkemuka di Pulau Pinang," ujar beliau.



**TAN Eng Huat menunjukkan bakat kaligrafi dalam Pameran Kesenian Tanjung Bungah baru-baru ini.**

# Sumbangan awal perancangan teratur



**ROSIDI Hussain (dua dari kanan) menyampaikan sumbangan kepada salah seorang penerima sambil diperhatikan Ridwan Osman (kanan sekali) pada Majlis Penyampaian Agihan Bantuan Pakaian Persekolahan di sini baru-baru ini.**

Oleh: **AINUL WARDAH SOHILLI**

**PENAGA** – Seramai 50 murid daripada keluarga asnaf dalam Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Penaga menerima bantuan pakaian sekolah bagi sesi persekolahan 2014 baru-baru ini.

Menurut Pegawai Penyelaras KADUN (PPK) Penaga, Ridwan Osman, pemberian bantuan tersebut dilakukan lebih awal secara berperingkat bagi membolehkan ibu bapa membuat perancangan dengan teratur.

"Semua penerima masing-masing menerima pakaian seragam sekolah, beg sekolah dan kelengkapan lain yang sememangnya asas digunakan seseorang pelajar.

"Bantuan ini diharap dapat meringankan bebanan ditanggung ibu bapa terutama ibu tunggal dalam menguruskan hal persekolahan anak masing-masing," katanya ketika ditemui pada Majlis Penyampaian Agihan Bantuan Pakaian Persekolahan di sini baru-baru ini.

Hadir sama bagi membantu menyempurnakan majlis tersebut, Pegawai Penerangan Kerajaan Negeri, Rosidi Hussain.




## Info PPK

**Pusat Khidmat Penyelaras KADUN Pinang Tunggal.**
**No. 6 Persiaran Seksyen 6/1,**
**Bandar Putra Bertam,**
**13200 Kepala Batas,**
**Pulau Pinang.**

**No. telp:** **019 - 437 2887 (PPK)**
**Muhasdey Muhammad**
**017 - 424 9371 (Pembantu)**
**Tasrin Tugemin**
**04 - 575 6526 (Pejabat)**



# Pusat Komuniti Bukit Bendera untuk semua

Oleh: **AINUL WARDAH SOHILLI**

**PULAU TIKUS** - Kewujudan Pusat Komuniti Bukit Bendera bakal mengubah perspektif dan melangkaui stereotaip masyarakat setempat khususnya dalam penyampaian perkhidmatan sedia ada kini, kata Ahli Parlimen Bukit Bendera, Zairil Khir Johari di sini baru-baru ini.

"Sebelum ini, kita pernah mempunyai pusat khidmat masyarakat, tetapi kali ini kita mengambil pendekatan mengeluarkan perkataan 'khidmat' sebab kita tidak mahu pusat ini menjadi tempat aduan semata-mata.

"Dengan penggunaan perkataan pusat komuniti, pendekatan bukan sahaja menyediakan perkhidmatan, tetapi juga lebih kepada aktiviti kemasyarakatan bersama masyarakat setempat yang lebih mesra dan mampu mengeratkan hubungan komuniti," ucapnya sejurus selepas Majlis Perasmian Pusat Komuniti Parlimen Bukit Bendera di sini baru-baru ini.

Beralamat di:

**Pusat Khidmat Komuniti Parlimen Bukit Bendera, 11-A Medan Maktab, 10350 Pulau Pinang,** orang ramai boleh juga menghubungi melalui talian tetap **04 - 228 5298.**

Hadir menyempurnakan perasmian ialah Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng ditemani Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow, Ahli Parlimen Tanjong, Ng Wei Aik, Ahli Parlimen Bukit Mertajam, Steven Sim Chee Keong, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Kebun Bungah, Cheah Kah Peng, Pegawai Daerah Daerah Timur Laut, Azizi Zakaria dan Ahli-ahli Majlis Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP).

Tambah Zairil, antara lain kewujudan pusat komuniti tersebut adalah untuk menghargai pengundi-pengundi yang membolehkannya memperoleh 32,000 majoriti pada Pilihanraya Umum yang lalu.

"Ini (pusat komuniti) sebagai tanda menghargai pengundi-pengundi saya dan juga memberi peluang untuk mereka berinteraksi secara terus dengan saya di pusat komuniti ini," jelas beliau.

Tambah Zairil, beliau dalam pada itu berhasrat untuk memartabatkan perkembangan pendidikan di Parlimen Bukit Bendera dan akan mengadakan beberapa siri kelas interaktif dalam usaha meningkatkan mutu pendidikan.

"Tumpuan akan diberikan pada peningkatan mutu berbahasa Inggeris memandangkan ia (Bahasa Inggeris) memainkan peranan yang besar dewasa ini.

"Sungguhpun Bahasa Malaysia adalah bahasa kebangsaan negara, namun ianya tidak dipinggirkan," ujarnya.




**KETUA Menteri dan Zairil Khir Johari (barisan belakang, berbaju putih, kiri sekali) meluangkan masa menyertai aktiviti bersama 40 peserta *'Bukit Bendera Fun-tastic English Camp'* sempena Majlis Perasmian Pusat Komuniti Parlimen Bukit Bendera di sini baru-baru ini.**

# Sumbangan baucar ringan beban keluarga

**DATUK KERAMAT** – Seramai 450 murid daripada keluarga kurang berkemampuan menerima sumbangan baucar persekolahan bernilai RM60 di sini baru-baru ini.




**SEBAHAGIAN penerima sumbangan menunjukkan baucar diterima masing-masing pada Majlis Penyampaian Baucar Bantuan Persekolahan di sini baru-baru ini.**

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Datuk Keramat, Jagdeep Singh Deo berkata, sejumlah RM30,000 diperuntukan pada tahun ini bagi tujuan berkenaan.

"Tahun lalu, sumbangan hanya disampaikan kepada kira-kira 200 murid sahaja, tetapi tahun ini, ada keperluan untuk menambah jumlah penerima.

"Sumbangan baucar ini akan diadakan setiap tahun demi membantu keluarga kurang mampu di Datuk Keramat ini," katanya sejurus Majlis Penyampaian Baucar Bantuan Persekolahan di sini baru-baru ini.

Jagdeep yang juga Exco Perancangan Bandar dan Desa dan Perumahan berkata, murid Tahun 1 dan Tahun 4 serta Tingkatan 1 dan Tingkatan 4 tidak akan menerima sumbangan berkenaan memandangkan mereka telahpun menerima sumbangan Pelajar Emas Kerajaan Negeri.

"Diharap sumbangan ini dapat bantu mereka yang mempunyai bilangan anak yang ramai tetapi memperoleh jumlah pendapatan seisi rumah rendah," ujar beliau.

Dalam pada itu, rata-rata ibu bapa yang ditemui gembira dengan pemberian sumbangan tersebut kerana sekurang-kurangnya ia mampu meringankan bebanan yang ditanggung setiap kali tiba sesi persekolahan baharu.

Majlis dianjurkan secara bersama dengan tujuh Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) di Datuk Keramat.

# Baiki lif demi penduduk



**WONG Hon Wai (depan, berbaju putih) memotong reben sebagai gimik Majlis Perasmian Lif Baru Blok B Kampung Melayu di sini baru-baru ini.**

Oleh: **WATAWA NATAF ZULKIFLI**

**AIR ITAM** – Demi keselesaan para penghuni Blok B Flat Kampung Melayu, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Air Itam mengambil inisiatif khas menggantikan tiga lif usang berusia lebih 10 tahun di sini baru-baru ini.

Lif pertama diganti pada bulan Ramadhan tahun lalu manakala yang kedua dilaksanakan baru-baru ini dan yang ketiga menjelang penghujung bulan Januari ini.

ADUNnya, Wong Hon Wai berkata, penukaran ketiga-tiga lif yang mampu menampung kapasiti muatan seramai 15 orang setiap sebuah itu menelan belanja sebanyak RM717,000.

"Justeru, saya berharap para penduduk dapat menjaga kemudahan ini sebaik mungkin bagi menjamin keselesaan semua penghuni di sini,'' katanya pada Majlis Perasmian Lif Baru Blok B Kampung Melayu di sini baru-baru ini.

Serentak itu, turut diadakan adalah majlis penyampaian sumbangan kelengkapan sekolah kepada kira-kira 100 pelajar yang memulakan sesi persekolahan baru.

"Saya amat memahami tekanan kewangan yang dihadapi semua ibu bapa rentetan kenaikan harga barangan.

"Bantuan seperti ini diharap dapat sedikit meringankan beban ibu bapa," ujar Hon Wai.

# Bakat Si Cilik – Mewarna!!



Cekap



Akauntabel



Telus

Sila isi butiran berikut:

Nama : ______________________

No. My Kid/ Kad Pengenalan: ______________________

Alamat: ______________________

______________________

Nama Ibu/ Bapa/ Penjaga: ______________________

No. Telefon : (Rumah) __________ (Bimbit) __________

Emel: ______________________

Terma & Syarat Peraduan:

1. Terbuka kepada kanak-kanak berusia 12 tahun dan ke bawah.
2. Hanya borang penyertaan sah boleh digunakan.
3. Peserta boleh menghantar seberapa banyak penyertaan.
4. Hasil lukisan akan menjadi hak penganjur.
5. Keputusan pengadil adalah muktamad.
6. Penyertaan ahli keluarga terdekat barisan penganjur adalah tidak sah.
7. Tarikh tutup penyertaan adalah pada 14 Februari 2014.
8. Sebarang pertanyaan, sila hubungi 04-650 5704 / 650 5375 / 650 5256.
9. Alamatkan semua borang penyertaan kepada:
   Buletin Mutiara, Peraduan Bakat Si Cilik - Mewarna,
   Tingkat 47, Komtar, 10503 Pulau Pinang.

## Hadiah:

**Pertama: RM200**
**Kedua: RM150**
**Ketiga: RM100**
**20 Hadiah Saguhati**